JARINA HARUN,

WANITA DAN PEKERJAAN: SATU KAJIAN KES KEATAS KERANI-KERANI WANITA DALAM BADAN-BERKANUN DI KOTA BHARU

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT-SYARAT UNTUK IJAZAH SARJANA
MUDA SASTERA DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

OLIH

NO. MATRIK 37509

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

1982/83

University of Malaya

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kepada Ilahi dengan siapnya latihan ilmiah ini. Di sini saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu saya semasa kajian ini dilakukan sehingga ianya berhasil seperti yang ada ini. Pertama sekali saya ucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya Puan Mazidah Zakaria, pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, yang tidak jemu-jemu memberi bimbingan, tunjukajar dan memberi teguran-teguran yang membina serta memandu saya dalam usaha untuk menyiapkan latihan ilmiah ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada Puan Hajjah Fatimah Daud selaku penyelia luar saya semasa saya menjalankan kajian luar di Kota Bharu dengan nasihat-nasihat dan panduan-panduan yang diberikan untuk saya memulakan langkah bagi menghasilkan latihan ilmiah ini.

Juga ucapan terima kasih saya kepada semua pegawai, ketua pejabat dan kakitangan-kakitangan di pejabat-pejabat KESEDAR, MPKB, LUTH, PKINK, MAJUIKAN dan Perbadanan Pelancungan di Kota Bharu yang telah membenarkan saya menjalankan kajian ini di pejabat-pejabat mereka dan semua yang terlibat di dalam usaha saya menjalankan kajian ini.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih saya kepada kawan-kawan yang sama-sama berbincang dan membantu saya terutama kawan saya

University of Malaya

yang sama-sama menjalankan kajian luar di Kota Bharu dan dibawah penyelia yang sama.

Wassallam.

Universiti Malaya
Kuala Lumpur

10 Disember 1982

University of Malaya

# SINOPSIS

Dalam latihan ilmiah ini tumpuan penulis ialah terhadap penglibatan wanita dalam penduaan peranan iaitu sebagai kerani yang bekerja di luar rumah dan sebagai suri rumahtangga. Kajian di-jalankan dengan cara bandingan antara wanita yang sudah kahwin dengan wanita yang belum kahwin. Bab I dihuraikan secara ringkas mengenai tujuan dan bidang kajian, method kajian dan masalah kajian ini.

Bab II membincangkan tentang teori-teori yang dikemukakan olih ~~beberapa orang penulis-penulis yang terdahulu dan juga~~ beberapa orang penulis-penulis yang terdahulu dan juga beberapa konsep mengenai peranan dan sikap wanita dalam pekerjaan dizaman yang serba maju ini.

Bab III pula membincangkan tentang bio-data responden iaitu menyentuh soal-soal latar belakang responden seperti umur, saiz keluarga, jumlah anak yang diingini, bilangan adik beradik responden dan tempat asal responden. Kemudian dilihat pula taraf pencapaian pelajaran responden. Sebab-sebab berhenti sekolah dan pelajaran tambahan yang diperolehi olih responden. Selain daripada itu juga disentuh mengenai latar belakang keluarga responden sama ada mereka datang dari keluarga kaya atau sederhana dan miskin serta mereka daripada keluarga besar atau kecil. Di sini dihuraikan tentang umur dan pekerjaan ibu bapa responden yang sudah kahwin dan belum kahwin. Diakhir bab ini dibincangkan mengenai wanita dan pekerjaan,

University of Malaya

yang mengemukakan sebab-sebab wanita bekerja, adakah kerana ekonomi ataupun sosial. Dibincangkan juga mengenai pendapatan responden dan pendapatan suami responden bagi yang sudah kahwin. Faktor-faktor ini mempengaruhi wanita bekerja "makan gaji" dan menduakan peranan semulajadi mereka.

Bab IV membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan keadaan ekonomi dan sosial responden. Faktor-faktor ini meliputi pendapatan yang dijelaskan dengan lebih mendalam lagi, tentang perbelanjaan dan tabungan yang semuanya tergulung dalam faktor ekonomi. Sementara faktor sosial pula meliputi perkara-perkara yang berkait dengan hubungan responden dengan ketua pejabat, kawan sekerja dan disiplin semasa bekerja. Selain daripada itu dinyatakan juga tentang kemudahan yang diterima olih responden dari majikan mereka. Di akhir bab ini disentuh pula mengenai masalah pembantu rumah yang dihadapi olih responden dan implikasi dari penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan.

Bab V merupakan kesimpulan atau rumusan daripada apa yang dihuraikan dan apa yang ditemui olih pengkaji semasa menjalankan kajian serta membuktikan benar atau tidak mengenai dakwaan-dakwaan atau teori-teori yang dikemukakan olih beberapa orang pengkaji dahulu. Kenyataan-kenyataan atau huraian-huraian ini dinyatakan berdasarkan kepada penemuan-penemuan dan data-data serta maklumat-maklumat yang didapati olih pengkaji.

University of Malaya

ISI KANDUNGAN

| | | | Muka Surat |
|---|---|---|---|
| PENGHARGAAN | .. | .. | i |
| SINOPSIS | .. | .. | iii |
| DAFTAR KANDUNGAN | .. | .. | v |
| SENARAI JADUAL | .. | .. | vii |
| LAMPIRAN PETA | .. | .. | ix |
| BAB I: PENDAHULUAN | | | |
| 1.1 Tujuan Kajian | .. | .. | 1 |
| 1.2 Bidang Kajian | .. | .. | 5 |
| 1.3 Method Kajian | .. | .. | 7 |
| 1.4 Masalah Kajian | .. | .. | 11 |
| BAB II: KONSEP DAN TEORI | | | |
| 2.1 Pengenalan | .. | .. | 14 |
| 2.2 Konsep Peranan dan Sikap | | .. | 17 |
| 2.3 Perubahan Peranan Wanita | | .. | 24 |
| 2.4 Konsep Wanita dan Pekerjaan | | .. | 27 |
| BAB III: BIO-DATA RESPONDEN | | | |
| 3A Latar belakang Responden dan Keluarga | | | |
| 3.1 Latar belakang Responden | | .. | 31 |
| 3.2 Latar belakang Keluarga Responden | | .. | 42 |
| 3B Wanita dan Pekerjaan | | | |
| 3.3 Sebab Wanita Bekerja | | .. | 50 |
| a) Memiliki Wang Sendiri | | .. | 51 |

b) Menambahkan Pendapatan Keluarga .. 55

c) Ingin Melihat Hasil dari Pencapaian Pelajaran .. 58

d) Jemu Tinggal di Rumah .. 58

e) Prestige .. .. 59

BAB IV: KEADAAN EKONOMI DAN SOSIAL RESPONDEN

4A Faktor Ekonomi

4.1 Pendapatan .. .. 64

4.2 Perbelanjaan .. .. 66

4.3 Tabungan .. .. 71

4B Faktor Sosial

4.4 Hubungan Responden Dengan Ketua Pejabat .. 73

4.5 Hubungan Responden Dengan Kawan Sekerja .. 75

4.6 Disiplin di Tempat Kerja .. 78

4.7 Kemudahan dan Layanan Yang Diterima .. 81

4.8 Cara Menghabiskan Masa Lapang .. 85

a) Secara Formal .. 85

b) Secara Informal .. 87

4.9 Masalah Pembantu Rumah .. 88

4.10 Implikasi dari Penglibatan Wanita Dalam Bidang Pekerjaan .. 89

a) Aspek Ekonomi .. 90

b) Aspek Sosial .. 91

BAB V: KESIMPULAN .. .. 97

BIBLIOGRAFI .. .. 107

University of Malaya

SENARAI JADUAL


| | | Halaman |
|---|---|---|
| JADUAL 1: | UMUR RESPONDEN .. | 31 |
| 2: | SAIZ KELUARGA RESPONDEN SUDAH KAHWIN .. | 32 |
| 3: | UMUR RESPONDEN KETIKA KAHWIN | 33 |
| 4: | LAMA MASA MENDIRIKAN RUMAHTANGGA | 34 |
| 5: | BILANGAN ANAK YANG IDEAL .. | 35 |
| 6: | BILANGAN ADIK BERADIK RESPONDEN | 37 |
| 7: | TARAF PENDIDIKAN .. | 39 |
| 8: | PELAJARAN TAMBAHAN .. | 40 |
| 9: | SEBAB-SEBAB RESPONDEN BERHENTI SEKOLAH .. | 41 |
| 10: | TEMPAT ASAL RESPONDEN .. | 42 |
| 11: | UMUR BAPA RESPONDEN PADA MASA KAJIAN .. | 44 |
| 12: | UMUR IBU RESPONDEN PADA MASA KAJIAN .. | 46 |
| 13: | PEKERJAAN BAPA RESPONDEN SUDAH KAHWIN .. | 47 |
| 14: | PEKERJAAN BAPA RESPONDEN BELUM KAHWIN .. | 48 |
| 15: | PEKERJAAN IBU-IBU RESPONDEN .. | 49 |
| 16: | SEBAB-SEBAB WANITA BEKERJA .. | 50 |
| 17: | PENDAPATAN RESPONDEN .. | 52 |
| 18: | PENDAPATAN KELUARGA BAGI RESPONDEN SUDAH KAHWIN .. | 52 |
| 19: | PENDAPATAN SUAMI RESPONDEN .. | 54 |


University of Malaya

SENARAI JADUAL


| | | | Halaman |
|---|---|---|---|
| JADUAL 20: | PERBELANJAAN UNTUK BARANG DAPUR BAGI RESPONDEN YANG SUDAH KAHWIN | .. | 67 |
| 21: | SIKAP RESPONDEN TERHADAP PEKERJAAN SEKARANG | .. | 83 |
| 22: | KEGIATAN SOSIAL YANG DISERTAI OLIH RESPONDEN | .. | 86 |
| 23: | PEMBANTU KERJA-KERJA RUMAH BAGI RESPONDEN YANG SUDAH KAHWIN | .. | 88 |


University of Malaya

BANDAR KOTA BHARU, KELANTAN

The Kota B
Study Are




P.G. PAK-POY & ASSOC.(M) SD
ALAM BINA YUNCKEN FREEMAN

University of Malaya

# BAB I

# PENDAHULUAN

## 1.1 TUJUAN KAJIAN

Pada masa sekarang ini kedudukan wanita adalah berbeda dari masa dahulu, di mana wanita sekarang memainkan peranan yang penting dalam bidang pekerjaan serta dapat menunjukkan kemampuan bekerja yang sama seperti lelaki. Wanita juga sama-sama mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan proses pembangunan negara. Lantaran itu wanita kita telah mula bekerja di luar rumah iaitu bekerja 'makan gaji'. Olih yang demikian dapatlah dikatakan bahawa wanita sekarang menjalankan dua tugas yang besar iaitu menjadi suri rumahtangga dan sebagai pekerja 'makan gaji'.

Bagi melihat keadaan ini dengan lebih jelas lagi, pengkaji telah menjalankan kajian keatas sebilangan kerani-kerani wanita yang bekerja di badan-badan berkanun di sekitar bandar Kota Bharu.

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat faktor-faktor yang menyebabkan wanita bekerja di luar rumah yakni bekerja "makan gaji". Adakah wanita bekerja kerana disebabkan olih masalah yang dihadapi olih keluarga, atau kerana inginkan kebebasan dan mungkin juga untuk meringankan beban suami. Jadi untuk mengetahui dengan jelas tentang faktor-faktor yang menyebabkan wanita bekerja inilah maka pengkaji menjalankan kajian ini. Di samping itu pengkaji juga mahu mengetahui bagaimana pula keadaan sosio-ekonomi mereka, adakah dengan bekerja

ini wanita dapat meninggikan taraf sosio-ekonomi mereka. Sedangkan kita tahu bahawa wanita pada keseluruhannya mempunyai tugas tradisinya sebagai suri rumahtangga yang harus mengendalikan rumahtangganya dengan sepenuh masa.

Pengkaji juga ingin meneliti tentang perbezaan-perbezaan dan persamaan-persamaan masalah yang dihadapi olih kerani-kerani wanita yang sudah berkahwin dengan kerani-kerani wanita yang belum berkahwin. Faktor inilah yang telah banyak menimbulkan dakwaan dari masyarakat tentang keburukan wanita yang bekerja "makan gaji", terutama wanita yang bekerja di tingkat rendah seperti kerani-kerani yang menjadi sample dalam kajian ini.

Selanjutnya pengkaji ingin melihat adakah dengan bekerja itu kerani wanita dapat meningkat taraf ekonomi mereka dan apakah masalah-masalah yang dihadapi olih mereka sebagai seorang kerani. Kemungkinan mereka menghadapi masalah keluarga mereka seperti kesempitan hidup kerana keluarga miskin atau kerani-kerani ini mahu menyara adik-adik mereka ke sekolah. Begitu juga yang ingin dilihat mengenai masalah yang dihadapi olih kerani-kerani wanita seperti sikap masyarakat terhadap wanita-wanita yang bekerja, seperti timbulnya persoalan dari masyarakat terhadap mereka yang mengatakan wanita bekerja di luar rumah hanya semata-mata untuk melarikan diri dari tanggungjawab rumahtangga. Masalah ini semua kemungkinan akan dihadapi olih kerani-kerani wanita terutama sekali yang berasal dari kawasan pendalaman.

Apabila pengkaji mahu meneliti masalah yang dihadapi olih kerani-kerani wanita itu maka pengkaji juga mahu melihat bagaimana pula mereka mengatasi masalah yang dihadapi itu. Selain dari itu pengkaji juga ingin mengetahui tentang dorongan dan halangan terhadap pekerjaan yang dijalankan olih wanita. Dari manakah mereka mendapat dorongan untuk bekerja atau dengan kata lain sebagai faktor penarik kepada mereka untuk bekerja. Faktor-faktor penarik itu terdiri dari aspek-aspek seperti kebebasan dalam penggunaan wang bagi wanita yang bekerja, jadi benarkah kebebasan ekonomi wanita merupakan satu bentuk jaminan kehidupan di hari hadapan. Selain dari aspek ekonomi, faktor yang mendorong wanita bekerja ialah dari aspek sosial seperti mencari kebebasan dalam pergaulan, yang mana dari sini dapat menghilangkan rasa jemu dan terbeban tinggal di rumah, olih itu sebagai jalan keluarnya wanita harus bekerja dan bergaul dengan lebih luar. Ataupun mungkinkah ada dorongan-dorongan lain yang menyebabkan wanita bekerja, seperti dorongan dari keluarga, suami dan lain-lain faktur pendorong.

Selain dari dorongan, ada juga halangan terhadap wanita bekerja. Dimana halangannya seperti anak-anak yang memerlukan jagaan dan didikan yang sepenuhnya dari ibunya. Di samping itu juga mungkin faktor penghalang ialah sikap masyarakat terhadap wanita bekerja dan lain-lain faktor lagi mungkin ada jika ditinjau dari kajian ini.

Disamping itu kajian yang dijalankan ini juga adalah untuk melihat pencapaian pelajaran dan latar belakang pendidikan kerani yang membolihkan mereka bekerja sebagai kerani. Apakah pula faktor-

University of Malaya

faktor yang akan menentukan kerani-kerani wanita bolih bergerak dengan aktif lagi atau kemungkinan mereka ada harapan untuk meningkatkan lagi taraf jawatan dan mutu pekerjaan mereka.

Selanjutnya pengkaji ingin mengetahui sejauh manakah kerani wanita ini terlibat dengan aktiviti sosial yang terdapat disekitar mereka, samada di pejabat atau di rumah. Adakah mereka lakukan aktiviti sosial ini secara individu atau melalui organisasi yang wujud dan bagaimana pula mereka menghabiskan masa lapang mereka. Pengkaji juga melihat bagaimana hubungan mereka dengan masyarakat sekeliling dan kawan sepejabat. Ini adalah untuk menjelaskan pandangan masyarakat yang mengatakan pekerjaan juga merupakan sebab utama yang menimbulkan kerenggangan hubungan dengan masyarakat malah ada dakwaan masyarakat yang mengatakan wanita yang berperanan dalam dua bidang ini bolih menyebabkan kehancuran institusi kekeluargaan, atau kemungkinan kerani wanita ini mempunyai tendensi yang besar untuk memiliki saiz keluarga yang kecil bagi mengurangkan masalah pengurusan rumahtangga dan mengelakkan masalah mencari pembantu rumah. Sayangnya mengenai hubungan kerani dengan keluarganya dan keadaan rumahtangganya yang sebenarnya, pengkaji tidak dapat memerhatikan keadaan sebenar di rumah responden kerana pengkaji mempunyai masa yang terhad untuk menjalankan kajian dan masalah tempat tinggal yang jauh antara seorang responden dengan responden yang lain, jadi pemerhatian hanya dibuat di dalam pejabat sahaja.

Kajian ini juga dijalankan adalah kerana menjawab persoalan-

persoalan yang timbul dalam masyarakat yang mengatakan faktor yang menyebabkan wanita bekerja adalah semata-mata untuk mendapat lebihan pendapatan dan akibatnya pekerjaan mereka tidak mencapai tingkat dan hasil yang memuaskan seperti yang dicapai olih pekerja-pekerja lelaki.

## 1.2 BIDANG KAJIAN

Dalam menerangkan bidang kajian ini, pengkajian telah membahagikan skop kajian kedalam beberapa aspek sahaja, agar kajian ini tidak menyeleweng dari tujuan sebenarnya. Aspek-aspek yang dimaksudkan meliputi latar belakang responden dan tempat asal, pendapatan serta pemilihan mereka terhadap badan-badan berkanun. Bidang perkeranian merupakan bidang yang paling ramai sekali diceburi olih wanita, olih itu senanglah bagi pengkaji untuk mengkaji wanita dan pekerjaan, yang mana merupakan tujuan asas kajian ini dijalankan. Olih itu seramai 50 orang dari kerani-kerani wanita dalam badan berkanun di sekitar Kota Bharu ini dipilih sebagai responden dalam kajian ini.

Disamping itu pula pengkaji telah memilih sektor badan berkanun sebagai tumpuan tempat kajian. Pemilihan ini dibuat supaya pengawalan yang lebih baik dapat dibuat terhadap pemungutan data dalam ertikata kesemua responden mempunyai latar belakang yang sama dalam pekerjaan iaitu bekerja dengan badan-badan berkanun yang mempunyai peraturan-peraturan dan keadaan bekerja yang lebih kurang serupa.

Pengkaji juga akan membincangkan tentang latar belakang

tempat kajian dan latar belakang responden. Pengkaji telah memilih kawasan bandar iaitu bandar Kota Bharu, pemilihan ini berdasarkan kepada terdapat banyaknya pejabat-pejabat badan berkanun di bandar ini. Kedudukan pejabat-pejabat ini pula adalah berdekatan antara satu sama lain yang memudahkan pengkaji pergi dari satu pejabat ke satu pejabat yang lain tanpa mengambil masa yang panjang. Pengkaji terpaksa memilih beberapa buah pejabat kerana tiap-tiap satu pejabat hanya mempunyai beberapa orang kerani wanita, olih itu untuk mendapatkan responden seramai 50 orang, maka pengkaji memilih beberapa buah pejabat badan berkanun yang besar seperti LUTH (Lembaga Urusan dan Tabung Haji), KESEDAR (Kemajuan Kelantan Selatan), Majuikan, Perbadanan Pelancungan, MPKB (Majlis Perbandaran Kota Bharu), Perpustakaan Awam, PKINK (Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan) dan lain-lain.

Kesemua pejabat yang dipilih merupakan pejabat-pejabat yang sentiasa sebuk, jadi dapatlah pengkaji membuat pemerhatian terhadap suasana kerja dalam pejabat yang sebenarnya. Disamping itu dalam keadaan pejabat yang berada di tengah-tengah bandar ini dapatlah dilihat dengan baik tentang perhubungan yang terdapat antara mereka dan juga pandangan masyarakat terhadap wanita yang bekerja. Jadi pengkaji merasakan pemilihan terhadap tempat yang mempunyai latar belakang yang sebegini dapat mewakili lain-lain pejabat badan-badan berkanun. Seperti mana yang pengkaji jelaskan diawal tadi bahawa pemerhatian hanya dilakukan di pejabat sahaja, sedangkan pemerhatian atau tinjauan di rumah tidak dapat dilakukan kerana tidak cukup masa, olih itu

keadaan di rumah hanya diketahui dari temubual sahaja, inilah yang merupakan satu kelemahan dalam kajian ini.

Pengkaji juga akan mengkaji aspek ekonomi dan sosial. Dari segi ekonomi, kajian akan meliputi kerja dan pendapatan yang diperolihi. Bagi kerani-kerani ini, adakah pendapatan yang diperolehi sudah mencukupi atau ingin meningkatkan lagi kemahiran mereka. Bidang ekonomi ini juga meliputi kesedaran ekonomi responden samada mereka melakukan tabungan atau tidak.

Dari bidang sosial pula, kajian dibuat meliputi aspek-aspek kegiatan mereka ceburi di luar dari pejabat dan di rumah. Adakah kegiatan sosial ini mempengaruhi kerja di pejabat dan mengganggu urusan rumahtangga.

Selanjutnya pengkaji juga akan meneliti kepada implikasi yang didapati dari pekerjaan dan kegiatan sosial kerani wanita dari dua bentuk iaitu kesan positif dan kesan negatif terhadap rumahtangga, masyarakat, keluarga dan diri responden itu sendiri.

Akhir sekali kajian ini meliputi rumusan berdasarkan data-data serta pemerhatian yang telah dijelaskan di dalam bahagian tujuan kajian.

## 1.3 METHOD KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah yang dikira perlu untuk pengumpulan data dan dikira sesuai dengan keadaan dalam pejabat. Pengkaji telah menggunakan

Universiti of Malaya

kaedah utama yang dikatakan 'field-work' atau kerja luar di bandar Kota Bharu, Kelantan.

Selain daripada menjalani 'field-work', pengkaji juga mengumpul bahan-bahan, data-data serta maklumat-maklumat dari bahan yang sedia terkumpul atau 'library research' yang penting untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang sesuai dalam bidang kajian ini.

Di dalam menjalankan kajian ini pengkaji menggunakan method pengkajian serta langkah-langkah seperti yang dijelaskan di bawah:-

i) Pemilihan Responden

Sample yang dipilih olih pengkaji yang dianggap dapat mewakili golongan kerani wanita lainnya adalah terdiri daripada 50 orang responden wanita: 25 orang kerani wanita yang sudah berkahwin dan 25 orang kerani wanita yang belum kahwin. Ini adalah untuk kemudahan dalam membuat perbandingan bagi memenuhi tujuan kajian seperti yang diterangkan diatas.

Dalam kajian ini pengkaji memilih badan-badan berkanun sebagai pusat tumpuan pekerja-pekerja wanita. Kajian ini dijalankan olih pengkaji dalam jangkamasa yang telah dihadkan selama satu bulan setengah, dari masa ini pengkaji menggunakan sepenuhnya untuk mendapat maklumat-maklumat yang bersangkutan dengan kajian ini.

Pengkaji juga telah memilih responden yang dalam lingkungan umur antara 21 tahun hingga 38 tahun. Pemilihan ini dilakukan kerana wanita-wanita ini telah dapat meliputi kedua-dua golongan mereka yang

sudah dan belum kahwin. Disamping itu juga responden dipilih dari berbagai jenis latar belakang. Latar belakang keluarga ini dapat mempengaruhi kerja dan kemahuan untuk bekerja bagi seseorang kerani wanita itu. Latar belakang keluarga ini juga termasuklah umur ibu bapa dan pendapatan ibu bapa responden, faktor ini tidaklah ditekankan sangat, ianya hanya sebagai dasar untuk mengenali responden.

ii) Soal Selidik

Bagi mendapatkan data-data atau penjelasan yang lebih terperinci lagi maka pengkaji telah menjalani soal selidik yang merupakan method yang utama dengan menggunakan "questionaires" yang sudah tersedia. Data-data yang dikutip dari soal selidik ini adalah seperti biodata responden, biodata keluarga, pekerjaan yang dipegang, pendapat-pendapat responden dan kegiatan-kegiatan yang dilakukan olih mereka. Soalan-soalan ini merangkumi 50 soalan besar dan beberapa pecahan dari soalan besar itu.

Olih kerana dalam soal selidik ini memerlukan pendapat, jadi pengkaji menggunakan dua bentuk soal selidik iaitu dengan cara "open-ended" dan "close-ended". Bagi jawapan yang memerlukan jawapan masing-masing dalam bentuk pendapat, pandangan dan kritikan responden maka pengkaji menggunakan soal selidik yang berbentuk "open-ended". Sementara dalam soal selidik yang berbentuk "close-ended" pula, jawapan-jawapan yang telah disediakan dan responden hanya dikehendaki memilih jawapan yang sesuai sahaja.

Penggunaan kaedah soal selidik ini terdapat pula kebaikan

dan kelemahannya. Kebaikannya apabila responden itu menjawab soalan dengan betul dan juga kita akan mendapat data-data seperti biodata, terutamanya umur, pendapatan, latar belakang dan lain-lain adalah lebih tepat lagi. Disamping itu juga kebaikan kaedah soal selidik ini ialah terdapatnya kemudahan bagi pengkaji menemuduga responden kerana soalan telah disediakan.

iii) Temubual

Pengkaji juga telah menjalankan temubual yang dilakukan secara 'informal' iaitu ketika waktu makan, pulang dari kerja dan masa menunggu bas atau kereta. Dari sini akan dapat data-data atau pendapat-pendapat yang dikemukakan olih responden tanpa disedari ia ditemubual. Kaedah temubual ini juga dapat menolong pengkaji memeriksa kembali jawapan yang diberi semasa menjalankan kaedah soal selidik itu betul atau tidak. Selain daripada itu juga pengkaji juga telah menemui beberapa orang yang dianggap dapat memberi data-data yang perlu dan sesuai dengan tajuk perbincangan ini. Mereka itu terdiri dari orang-orang yang memainkan peranan penting dalam pejabat, seperti pegawai-pegawai yang bertanggungjawab terhadap organisasi tersebut.

iv) Pemerhatian

Selain dari method-method tadi pengkaji juga menjalankan method pemerhatian. Didalam proses pemerhatian (observation) ini pengkaji melihat bagaimana, dimana dan apa tugas-tugas yang dilakukan olih kerani-kerani wanita dalam pejabat. Selain dari itu dilihat

juga hubungan antara kerani wanita dengan lain-lain anggota pejabat dari setiap lapisan dan bahagian.

Pengkaji juga memerhatikan tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan nilai dan pakaian pekerja yang tidak dapat dikesan melalui soal selidik. Cara ini adalah lebih tepat untuk menyatakan tentang sesuatu yang mungkin menyinggung perasaan responden terutama dari segi hubungan yang dikemukakan.

v) Rujukan Perpustakaan (Library Research)

Pengkaji juga menggunakan rujukan perpustakaan iaitu merujuk buku-buku yang sesuai untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih banyak yang dianggap perlu. Rujukan ini adalah perlu terutama sekali didalam penghuraian terhadap teori serta konsep-konsep yang digunakan untuk latihan ilmiah ini. Rujukan ini juga menolong pengkaji untuk menguatkan lagi penerangan yang diberi didalam kajian yang dilakukan.

## 1.4 MASALAH KAJIAN

Semasa menjalani kerja luar dalam membuat kajian untuk latihan ilmiah ini, pengkaji telah menghadapi beberapa masalah, terutama diawal kajian dijalankan.

Diantara masalah yang dihadapi olih pengkaji ialah ketika meminta kebenaran dari ketua pejabat untuk menemubual kerani-kerani wanita. Walau bagaimanapun masalah ini dihadapi pada awal kajian sahaja, kerana pada akhirnya tidak timbul masalah ini, malah ketua pejabat mahu memberi kerjasama kepada pengkaji dan menerangkan serta

memperkenalkan pengkaji dan tujuan pengkaji, kepada kerani-kerani wanitanya.

Masalah yang dihadapi oleh pengkaji juga ialah semasa mahu menemuduga responden, ini adalah kerana temuduga dijalankan semasa responden sedang bekerja. Kedatangan pengkaji mengganggu pekerjaan mereka dan mereka tidak mahu bekerjasama dengan pengkaji. Masalah ini akhirnya dapat diatasi dengan cara menemubual responden pada masa rehat, masa minum dan masa hampir hendak pulang, kerana masa-masa ini responden tidak sebuk. Bagi setengah-setengah pejabat tidak menghadapi masalah sebegini kerana ketua pejabat telah menjelaskan maksud kedatangan pengkaji.

Sambutan responden terhadap pengkaji juga merupakan masalah kepada pengkaji didalam menjalani kajian ini. Dimana terdapat responden yang mencemuhkan pengkaji dengan mengatakan pengkaji sebagai orang yang mahu mengetahui rahsia peribadi orang lain. Masalah ini akhirnya dapat diatasi apabila pengkaji menahan perasaan malu dan marah serta "menebalkan muka" menerangkan maksud sebenar kajian ini dijalankan.

Responden kadang-kadang malu untuk menjawab soalan yang dikemukakan terutama mengenai umur dan mengeluarkan pendapat, jadi mereka memberi jawapan yang tidak tepat. Dalam memberi pendapat, responden merasakan begitu susah untuk mengeluarkan pendapatnya, kadang-kadang ia hanya menjawab 'ya' atau 'tidak' dan 'entah' sahaja, hasilnya ialah jawapan tidak tepat dan tidak mengikuti kehendak

soalan. Apa yang menjadi masalah ialah pengkaji terpaksa mengambil masa yang panjang untuk menunggu jawapan yang diberi dan terpaksa pula pengkaji berbual-bual pasal lain terlebih dahulu baru mendapat jawapan yang dikehendaki.

Disamping itu juga masalah yang dihadapi ialah terdapatnya kawan-kawan responden disebelahnya akan memberi jawapan atau tolong menjawab soalan yang dikemukakan, sedangkan responden sendiri tidak menjawab dengan tepat. Masalah ini telah dapat diatasi dengan berbual secara tidak formal dengan responden semasa di luar pejabat.

Pengkaji sebenarnya menghadapi masalah untuk pergi ke rumah tiap-tiap orang responden untuk memerhati keadaan mereka di rumah, ini adalah lantaran susah untuk pergi dari sebuah rumah ke sebuah rumah yang lain, kerana responden-responden itu tinggal di tempat yang berlainan dan berjauhan antara satu sama lain. Jadi jika pengkaji pergi ke rumah responden, maka pengkaji terpaksa menunggu mereka keluar pejabat, olih itu setiap hari pengkaji akan mendapat responden yang sangat sedikit, sedangkan masa menjalankan kajian adalah terhad.

Walau bagaimanapun pengkaji hanya menghadapi masalah yang berat pada masa awal kajian yang dijalankan. Pada kajian-kajian yang seterusnya masalah-masalah ini dapat diatasi sedikit demi sedikit yang akhirnya dapat juga pengkaji meneruskan kajian terhadap sebilangan kerani-kerani wanita di dalam badan-badan berkanun di Kota Bharu dalam masa satu bulan setengah.

# BAB II

# KONSEP DAN TEORI

## 2.1 PENGENALAN

Sebelum memahami bab-bab yang seterusnya perlulah diterangkan dahulu tentang konsep dan teori yang digunakan didalam latihan ilmiah ini. Penjelasan tentang konsep dan teori ini kemudiannya akan dikaitkan dalam penghuraian seterusnya tentang peranan wanita di dalam pekerjaan, terutama wanita sebagai pemegang dua peranan. Di samping itu dikaitkan juga dengan pengertian setiap wanita itu sendiri terhadap pekerjaan yang dilakukan dan tanggungjawab yang harus dipikul olih kaum wanita khususnya kerani wanita yang bekerja di dalam sektor badan berkanun.

Penceburan wanita dalam bidang pekerjaan khususnya 'makan gaji' adalah disebabkan berlakunya perubahan masyarakat dan keadaan yang memerlukan mereka bekerja, kalau dibandingkan dengan keadaan masyarakat pada masa dahulu terdapatnya perbezaan di dalam peranan wanita, wanita pada masa dahulu diberi tugas menjaga rumahtangga, menolong mengerjakan sawah dan bekerja di kebun-kebun. Keadaan ini berubah setelah terdapat banyak peluang-peluang pekerjaan yang lebih mencabar bagi wanita. Sejak kebelakangan ini terdengar suara yang menyoal semula kewajaran tindakan membuka pintu pekerjaan seluas-luasnya kepada kaum wanita seperti yang berlaku dalam bidang-bidang yang selama ini dimonopoli olih kaum lelaki, seperti yang dijelaskan olih

Ainon Muhamad;

> "Adakah ini merupakan semacam manifestasi keraguan kaum lelaki terhadap kedudukan 'statusquo' mereka? Dengan pembukaan rancangan tanah bagi belia wanita. Kemasukkan anggota wanita dalam angkatan bersenjata dan perlantikan wanita ke dalam jawatan pergurusan, kaum lelaki kita mulai melihat gejala ini sebagai petanda buruk yang akan mengancam keistimewaan mereka selama ini. Jika benar dirasakan demikian, keraguan ini sebenarnya tidak mempunyai asas yang kuat."
>
> (Dewan Masyarakat, 15 Jun 1976)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa wanita juga sudah bolih memegang jawatan seperti yang dilakukan olih kaum lelaki.

Walau bagaimanapun secara am jawatan yang ditawarkan kepada kaum wanita masih tertakluk kepada jenis-jenis pekerjaan yang kaum lelaki sendiri tidak berapa bersedia untuk menerimanya. Pekerjaan seperti membungkus sabun dari pagi hingga petang sepanjang tahun, memasang skru kecil pada alat elektronik atau menjahit lubang butang bukanlah merupakan pekerjaan yang diminati olih kaum lelaki. Pekerja-an serupa itu sememangnya sesuai bagi sifat kaum wanita, di sini juga-lah kebanyakkan pekerja wanita ditemui. Bidang pengurusan dan ke-mahiran masih kuat berada dalam genggaman kaum lelaki. Dalam perkhidmatan kerajaan pun wanita hanya ramai dalam bidang perkeranian. Wanita belum dapat memenuhi bidang-bidang seperti pemasangan jentera, kerja-kerja besi, binaan, pertukangan, membalak dan lain-lain lagi. Namun begitu ada pekerjaan sesuai untuk kaum lelaki dan ada yang sesuai untuk kedua-duanya, seperti bidang pendidikan, kedoktoran, perakuanan dan banyak lagi. Ekoran daripada penyertaan wanita dalam

bidang pekerjaan ini ada orang menganggap bahawa pembukaan pintu pekerjaan secara meluas kepada kaum wanita mempunyai banyak kesan buruk sehingga patut dikaji semula. Olih itu di dalam keadaan yang akan dilihat olih pengkaji dalam latihan ilmiah ini.

Kajian-kajian tentang peranan dan kedudukan wanita pada keseluruhannya telahpun ada sedikit-sedikit dibuat olih penulis-penulis Barat dan Timur, tetapi setakat ini bidang ini nampaknya masih begitu menarik perhatian orang ramai. Termasuklah penulisan yang dibuat olih Margaret Mead dan Frances Balgley Koplen (1965) berkenaan dengan status wanita Amerika, Eleanor Flexner (1964) berkenaan dengan emansipasi wanita di Amerika. Kajian-kajian tentang peranan dan kedudukan wanita di Malaysia, terutama wanita Melayu, belum banyak lagi yang telah diselenggarakan. Kajian-kajian olih penulis-penulis tempatan berkenaan persoalan ini kebanyakkannya merupakan tesis-tesis di universiti, majalah-majalah dan surat-suratkhabar.

Perubahan peranan dan kedudukan wanita ini juga berlaku akibat daripada sejarah kedatangan Inggeris di negara ini. Kedatangan penjajah ini menyebabkan masyarakat kita telah dinodai olih nilai-nilai dari Barat yang lebih mementingkan kebendaan dan mula bersifat individualistik dalam hidup mereka. Keadaan ini sering melupakan penanggungjawab pada tanggungjawabnya. Sering dijumpai anak-anak membesar tanpa nafkah dari seorang ayah, anak-anak membesar dari rezeki carian dan titikpeluh ibu yang ditinggal atau diceraikan olih suami. Faktor ini juga merupakan salah satu daripada beberapa sebab

mengapa wanita-wanita berpelajaran hari ini lebih suka bekerja kalau mereka mempunyai peluang wanita-wanita Melayu yang telahpun diketahui sememangnya diketahui masih ketinggalan dibelakang dalam bidang pelajaran dan pekerjaan. Jadi tidak hairanlah sekarang ini maka kerajaan telah menyeru wanita Melayu untuk membuka langkah bagi mengisi peluang-peluang pekerjaan yang kosong di depan mereka agar mereka tidak akan ketinggalan lagi dan dapat menyesuaikan dengan lain-lain bangsa dari segi kemajuan.

## 2.2 KONSEP PERANAN DAN SIKAP

Peranan merupakan satu perkataan yang menunjukkan tindakan seseorang individu dalam menjalankan tugas hariannya dalam masyarakat. Peranan itu sendiri adalah berlainan di antara seorang individu dengan individu yang lain, yang mana bergantung kepada taraf, usi dan kebolihan seseorang. Antara taraf dan peranan itu adalah saling berkaitan antara satu sama lain yakni taraf menentukan peranan dan sebaliknya juga peranan yang dilakukan akan dapat menentukan taraf kedudukan seseorang individu di dalam masyarakatnya. Kenyataan ini dapat dilihat dari saranan Ralph Linton;

> "A role represent the elynamic aspect of status .... Role and status are quite inseparable and the distinction is only on academic interest."
>
> (Linton, 1936: 114)

Olih itu peranan merupakan suatu aspek yang berkenaan atau berkaitan dengan status. Jadi peranan dan status itu tidak dapat di-

University of Malaya

pisahkan di dalam hidup seseorang, peranan seseorang dapat menentukan status didalam masyarakatnya. Peranan ini juga dikatakan perlakuan yang dilakukan olih seseorang dan benar-benar diharapkan olih orang-orang atau anggota masyarakat yang memerlukannya, seperti mana peranan yang dimainkan olih wanita sekarang ini telah menyumbangkan tenaga dan khidmat mereka kepada masyarakat yang memerlukan.

Selain daripada Linton, Michael Banton juga telah mengemukakan pendapatnya tentang pengertian konsep peranan itu seperti katanya;

> "Every member of a social unit be it a ship, or a football team, a action has one or more parts to play. He has fask to perform and is entitled to receive services form other people in recoginition of his contributions. These clusters of rights and obligations constitute roles .... by right is have understood a socially sanctioned claim either upon other person or upon society in general. By obligation is meant a socially sanctioned expectations binding a person to meet certain legitimate claim."
>
> (Banton 1964: 27).

Di sini menunjukkan bahawa peranan itu dapat pula menentukan tanggungjawab terhadap rumahtangga atau masyarakat. Seperti mana peranan ibu adalah bertanggungjawab kepada anak-anak, rumahtangga dan keluarga seluruhnya, sementara peranan bapa pula adalah bertanggungjawab terhadap mendapatkan nafkah untuk anak dan isteri. Olih itu sekiranya seseorang yang benar-benar menjalankan peranannya dengan betul maka ia tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya.

Apabila dilihat tentang peranan antara lelaki dengan wanita

University of Malaya

ternyata sekali terdapatnya perbezaan antara keduanya. Banyak ahli-ahli kaji masyarakat yang telah menghuraikan faktor-faktor yang membezakan peranan di antara orang lelaki dengan wanita ini Ernestine Friedl (1965) mengutarakan dua golongan yang bertentangan dalam memberikan pengertian konsep peranan ini, iaitu golongan 'biologist' dan golongan 'environmentalist'. Bagi golongan biologist, faktor biologi yang menjadi penentu kepada peranan seseorang. Beliau menyarankan bahawa orang-orang perempuan dikaitkan dengan pekerjaan yang tidak memerlukan tenaga fizikal yang kuat, dengan menjalankan tugas di kawasan berhampiran dengan rumah serta mereka bekerja dalam jangkamasa yang singkat sahaja. Ini adalah kerana sifat semulajadi wanita yang dikatakan mempunyai tenaga fizikal yang lemah dibandingkan dengan lelaki. Selain daripada itu juga, badannya dibentuk sesuai bagi melahirkan anak dan menjaga anak itu yang memerlukan perlindungan darinya, olih itu peranan wanita bagi golongan "biologist" ini, mengikut Friedl adalah terikat kepada rumahtangga dan kawasan sekitar yang berhampiran dengannya.

Sementara bagi golongan "environmentalist" pula, mengikut Friedl, mereka berpendapat bahawa peranan seseorang itu ditentukan olih keadaan atau pekelilingan sosial serta kebudayaan. Golongan ini juga mengatakan di dalam beberapa masyarakat terdapat tugas yang dianggap olih pihak "biologist" sebagai tugas lelaki, tetapi didalam masyarakat lain ada dijalankan olih wanita seperti peranan dalam pimpinan politik seperti di India dan Afrika, serta Sri Langka dan Israel dahulu.

Sementara itu pula pekerjaan menenun, membuat tembikar dan menjahit serta memasak yang dianggap pekerjaan wanita di satu-satu tempat, dilakukan olih orang lelaki di tempat-tempat lain. Begitu juga yang terdapat di negara kita sekarang ini ada lelaki yang tinggal di rumah menjalankan urusan rumahtangga, memasak dan menjaga anak di waktu siang, sementaraisteri keluar bekerja dan malamnya suami yang bekerja, urusan rumahtangga diambil alih olih isteri pula, seperti juga kerja mengkeriting rambut dan solek menyolek wanita dilakukan oleh lelaki yang kita dapati di mana-mana sekarang ini terutama di bandar-bandar besar.

Walau bagaimanapun kita dapat katakan bahawa kedua-dua golongan adalah benar dan saling berkaitan antara satu sama lain dalam menentukan peranan seseorang individu samada lelaki atau perempuan dalam masyarakat industri - bandaran hari ini. Misalnya dari segi biologi, kerja-kerja seperti membalak adalah masih lagi dimonopoli olih orang-orang lelaki yang dianggap mempunyai tenaga fizikal yang kuat. Sementara itu kerja-kerja seperti juruterbang, jurutera, buruh bangunan telah dilakukan olih wanita, ini menunjukkan tidak sahaja faktor biologi yang diperlukan tetapi juga kerana adanya pengaruh "environment" yang membuatkan wanita berani menceburkan diri di dalam bidang yang memerlukan tenaga fizikal yang kuat. Pengaruh "environmental" itu juga dikaitkan dengan pengaruh budaya sekeliling dalam menentukan peranan. Olih itu faktor keadaan sosial serta kebudayaan juga sama pentingnya dengan faktor biologi dalam menentukan

peranan yang dilakukan olih seseorang individu itu.

Selain daripada peranan perlu juga difahami tentang pengertian sikap. Pada penggunaan yang biasanya, dapat dikatakan sikap itu merupakan satu reaksi atau tindakan perasaan seseorang terhadap sesuatu perkara. Jadi sikap ini berkait dengan fahaman atau fikiran yang bolih mengwujudkan satu reaksi. Sikap juga merupakan satu kelakuan atau perangai yang telahpun wujud di dalam diri seseorang individu itu yang mana ianya merupakan tabiat kelakuan manusia itu. Pengertian sikap seperti mana yang diterangkan di dalam Encyclopedia of Americana (1829) ialah;

> "Sikap ialah sesuatu kecenderungan untuk menerima dengan sesuatu cara tertentu terhadap seseorang, sesuatu objek, keadaan peristiwa atau idea .... seseorang yang menunjukkan sikap tertentu terhadap sesuatu adalah sebenarnya menunjukkan konsepnya terhadap perkara tersebut .... sikap mempunyai pertalian yang kuat sekali dengan pendapat. Seseorang bolih mengemukakan pendapatnya dengan perkataan tetapi tidak dapat menunjukkan sikapnya dengan cara yang sama. Dia hanya dapat menggambarkan sikapnya melakukan perbuatannya, kerana terdapat keadaan kadang-kadang sesuatu sikap itu setelah berlakunya perbuatan, barulah sikap itu disedari."

Olih itu sikap dapatlah dikatakan bolih menggambarkan penyatuan seluruh fikiran, kepercayaan, sentimen, perasaan, emosi dan kecenderungan seseorang terhadap sesuatu hal atau keadaan. Sikap ini juga satu reaksi yang sebenarnya tidak dapat dilihat melainkan tindakan yang dilakukan hasil dari keputusan yang dibuat atas pemahaman individu.

Sikap ini juga telah didefinasikan olih Allpert yang menyarankan sikap sebagai;

> "An attitude is a mental and natural state or readiness organised through experience, a directive or dynamic influence upon the individual's response to all objects and situation with which it is related."
>
> (Allport 1937: 58)

Olih yang demikian sesuatu sikap itu mempunyai tiga angkubah yang saling berkaitan iaitu pemikiran, perasaan dan tingkahlaku seseorang, yang mana ketiga-tiganya bertindak maka dapat melahirkan sikap seseorang individu. Sikap ini juga berkait-rapat dengan peranan, kerana sikap seseorang itu dapat melihatkan sesuatu peranan yang dimainkan olih seseorang, seperti, bila seseorang mempunyai sikap bertanggungjawab samada terhadap rumahtangga, anak-anak atau masyarakat seluruhnya maka ianya dapat memainkan peranannya sebagai isteri, ibu atau ahli anggota sesuatu pertubuhan dan sebagainya.

Setelah memahami tentang pengertian sikap itu dapatlah dikaitkan pula dengan sikap wanita. Sikap wanita dahulu dengan sekarang adalah berbeza sekali terutama di dalam sikap wanita terhadap kerja. Wanita dahulu bersikap tidak mementingkan ekonomi atau bekerja di luar rumah, mereka hanya sebagai penunggu rumah yang setia dan pengasuh yang tetap terhadap anak-anak. Sebaliknya sekarang wanita lebih bersikap agresif terhadap kerja di luar rumah. Malah wanita bolih menjadi tulang belakang dalam lapangan pekerjaan tradisional seperti pendidik, pegawai-pegawai kesihatan, pengurus rumahtangga,

perniagaan kecil, penghibur dalam kesenian, malah menjelangnya zaman kemajuan ini wanita kini mempertunjukkan kebolihan, kesanggupan dan kemajuan untuk menceburkan diri dalam bidang-bidang yang lain juga seperti dalam media-massa, kejuruteraan perdagangan, politik dan penyelidikan, komputer dan bidang-bidang sains. Sikap ini bersesuaian dengan peranan yang dimainkan olih wanita pada zaman sekarang.

Kenyataan ini dapat menunjukkan sikap wanita yang sudah berubah dari bersikap tradisional kepada sikap yang lebih maju, lantaran juga kerana peranan yang dimainkan olih wanita sekarang, lantas membawa perubahan sikap wanita itu sendiri juga. Sikap yang harus ada pada wanita dalam menjalankan peranannya ialah mereka patut mempunyai sikap keyakinan diri, mengenali kebolihan sendiri. Satu halangan besar bagi kemajuan wanita ialah rasa tidak yakin, rasa cepat beralah dan sekatan-sekatan dari golongan wanita sendiri. Disamping itu juga sikap lelaki yang berubah terhadap pandangan kepada wanita yang bekerja di luar rumah bolih mempengaruhi peranan wanita dan bekerja di luar rumah, walaupun terdapat sebilangan dari lelaki yang tidak suka dengan wanita yang bekerja, dengan alasan rumahtangga tidak teratur dan kehancuran jua yang ditemui. Walau bagaimanapun bila wanita menjadi pemimpin tetapi lelaki tidaklah sepatutnya berdiam diri, kata Hamka;

> "Maka kalau kedapatan perempuan yang memimpin, sedang lelaki hanya duduk-duduk saja, menganggur, mengadu balam, mendengar bunyi burung perkukut, mengadu ayam, alamat bahawa laki-lakinya tidak beres lagi. Dan kalau ada fikiran tak usah perempuan dipimpin lelaki sebab kita hidup dizaman moden. Maka fikiran ini adalah abnormal."
>
> (Hamka: 1975: 44)

University of Malaya

Dengan ini dapatlah dinyatakan bahawa lelaki dan wanita itu adalah sama berperanan, bertanggungjawab dan mempunyai sikap yang sama. Kenyataan ini terdapat juga dalam Al-Quran;

> "Bagi lelaki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan, dan bagi wanita pun ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan mohonkan kepada Allah kurnianya."
>
> (Al-Quran: Surah 4:32)

Sikap yang beginilah yang patut terdapat di dalam setiap individu yang akan menjalankan peranan masing-masing dengan lebih berkesan dan tidak menyeleweng dari tanggungjawab.

## 2.3 PERUBAHAN PERANAN WANITA

Dari teori ahli "biologist" yang mengatakan pekerjaan seseorang ditentukan olih faktor biologi tadi dapat dikaitkan dengan pendapat dari Elise Boulding yang menyarankan;

> "Sejak dari zaman primitif lagi kanak-kanak perempuan telah dilatih dengan kerja-kerja yang berhubungan dengan rumahtangga. Ini adalah kerana masyarakat menyedari bahawa sifat semulajadi kaum wanita sebagai, "biological - reproduction". Berikutan dari sifat semulajadi ini wanita mempunyai tiga peranan yang asas iaitu sebagai "breeder-feeder dan producer."
>
> (Boulding: 1977: 55)

Di sini menunjukkan faktor biologi memainkan peranan yang penting untuk menentukan peranan dan membentuk sikap seseorang. Namun sekarang ini akibat daripada terdapatnya kemajuan dalam bidang sains

University of Malaya

dan teknologi, faktor ini telah turut berubah. Segala kerja-kerja yang memerlukan tenaga fizikal yang kuat, sudah menjadi ringan apabila ianya diambilalih olih jentera-jentera moden ini. Alat-alat di rumah yang berbentuk automatik seperti dapur letrik, seterika letrik, mesin pencuci kain dan lain-lain telah mempercepatkan kerja-kerja di rumah, olih itu wanita mempunyai masa yang terluang untuk bergiat di luar rumah, juga keadaan ini membawa perubahan sikap dan perasaan wanita. Selain dari itu, kelayakan pekerjaan tidak lagi mementingkan kekuatan fizikal tetapi dari segi kelayakan akademik dan kemahiran. Wanita-wanita dalam hal ini sudah dapat membuktikan bahawa mereka dapat menandingi lelaki di dalam bidang akademik ini. Keadaan ini ternyata dengan bertambahnya wanita-wanita di institusi-institusi pengajian tinggi dari setahun kesetahun.

Perbezaan peranan wanita pada masa dahulu dengan sekarang seperti dahulunya masa pergi kerja tidak ditentukan dan tidak ada kawalan ketat serta dapat pula membawa anak-anak ke tempat kerja. Keadaan ini membolihkan wanita mempunyai masa yang panjang untuk menguruskan rumahtangga, jadi kecuaian terhadap tugas rumahtangga tidak timbul. Sebaliknya sekarang ini wanita bekerja mengikut waktu yang tertentu untuk pergi dan pulang dari kerja. Olih itu mereka tidak ada masa yang cukup untuk menguruskan rumahtangga, lebih-lebih lagi bagi wanita yang sudah kahwin dan mempunyai anak akan menimbulkan masalah penjagaan anak yang mana dahulunya tidak timbul masalah ini kerana saudara-mara dan jiran sentiasa membantu menjaga anak-anak

mereka.

Selain daripada itu terdapat juga perbincangan yang dibuat olih Edmund Dahlstrom (1967) mengenai tugas atau "dual roles" wanita iaitu diantara kerjanya dan rumahtangga atau "career and home" iaitu sebagai seorang pekerja dan suri rumahtangga. Penulis juga cuba menggambarkan bagaimana perubahan masyarakat pertanian kepada masyarakat perindustrian telah menyebabkan perubahan susunan sosial yang seterusnya mengubah pula corak keluarga. Atau dapat dirumuskan bahawa perubahan corak masyarakat daripada corak tradisional kepada corak masyarakat "industrialised" mengubah corak ekonomi, politik dan sosial masyarakat itu sendiri. Keadaan ini pula mengubah nilai dan sikap masyarakat, dan perubahan-perubahan ini membuka peluang kepada wanita-wanita untuk keluar daripada kongkongan rumahtangga untuk menerima pelajaran serta berjuang untuk mencapai kedudukan yang lebih tinggi. Keadaan ini pula menghasilkan satu golongan keluarga baru yang mempunyai kedua-dua suamisteri yang bekerja untuk mencari pendapatan. Keadaan ini pula mengubah corak keluarga, daripada bentuk "extended" yang selalu terdapat dalam masyarakat tradisional berubah kepada keluarga yang lebih kecil dan juga mengubah perhubungan dan pergaulan di dalam dan di antara keluarga baru dengan keluarga asal.

Olih itu sewajarnyalah jika dikatakan bahawa perubahan nilai dan sikap masyarakat yang membuka jalan bagi penyertaan wanita-wanita di dalam segala aktiviti ekonomi.

University of Malaya

## 2.4 KONSEP WANITA DAN PEKERJAAN

Didalam memahami konsep pekerjaan ini terdapat beberapa pendapat ahli sosiologi yang masing-masing dengan pengertiannya. Kepada individu dalam sesebuah masyarakat perindustrian moden, kerja biasanya diidentifikasikan sebagai cara-cara untuk mendapatkan kemudahan hidup. Dalam masyarakat yang simple pula, perhubungan antara kerja dan keperluan-keperluan asasi untuk hidup adalah secara langsung. Individu-individu dalam masyarakat tersebut hanya menggunakan apa yang mereka usahakan atau keluarkan. Tetapi evolusi sosial melalui berbagai bentuk pengeluaran sosial dan pemilikan harta telah berusaha ke arah menghapuskan perhubungan secara langsung ini, menurut Marshall Mc Luhan;

> "Work does not exist in a non-literate world. If begins with the devision of labour and the specialization of functions and tasks in sedentary agricultural communities."
>
> (Mc Luhan: 1971: 33)

Raymond Firth pula menyarankan bahawa pekerjaan melibatkan satu set perhubungan sosial di samping perhubungan teknologi dan ekonomi, kerana katanya;

> "Work occurs frequently as group behaviour - usually performed by some persons in connection or co-operation with other persons for the benefit of yet still other persons and often involves collective motivation, co-ordination and evaluation."
>
> (Firth: 1972: 3)

University of Malaya

Jadi kerja itu adalah sesuatu geraklaku yang menghasilkan sesuatu yang bernilai, terutama yang berkaitan dengan ekonomi. Hasil daripada perubahan kebudayaan telah mempengaruhi pandangan sesuatu masyarakat terhadap pekerjaan. Untuk ramai wanita - pekerjaan adalah dimaksudkan hanya pekerjaan di luar rumah yang mendatangkan hasil, manakala kerja-kerja di dalam rumah, walaupun digunakan perkataan 'kerja' adalah semata-mata tugas yang semulajadi bagi kaum wanita. Walaupun kaum wanita melakukan pekerjaan di luar rumahtangga mereka, tetapi tugas mereka sebagai isteri, ibu dan suri rumahtangga tetap berterusan juga.

Olih itu wanita dan pekerjaan ini makin diperbincangkan dan menarik perhatian sejak selepas kemerdekaan, di mana wanita telah dipengaruhi olih beberapa faktor yang membuatkan mereka bekerja, seperti rasa tanggungjawab untuk meringankan beban suami dengan menambahkan pendapatan. Disamping itu juga adalah untuk menghilangkan rasa jemu tinggal di rumah dan bagi mereka, bekerja adalah jalan keluar dari kongkongan rumahtangga, terutama bagi wanita yang belum kahwin. Seperti mana kata Iglehart;

> "Wife with a full-time outside job felt herself to be better off than the full-time house-wife .... Married women (as compored with single, separated, divorced and widowed women) had higher expectations for labor-force work to be interesting and to provide social opportunities."
>
> (Iglehart: 1975: 43)

Iglehart juga ada menjelas tentang wanita yang bekerja itu lebih tinggi kemungkinan untuk menjadi mewah daripada wanita yang tidak

bekerja, dimana dengan bekerja juga wanita dapat menyara anak-anak ke sekolah, menolong suami membayar atau membeli motokar, membeli rumah dan tidak ketinggalan juga isteri-isteri yang bekerja ini dapat berperanan membantu keluarga mereka.

Disamping itu juga didapati penyertaan wanita-wanita di luar lapangan pekerjaan tradisional lebih nyata di kawasan-kawasan bandar, manakala di kawasan-kawasan kampung, wanita kebanyakannya masih terbatas kepada penyertaan di dalam bidang tradisional. Ini adalah kerana perbezaan nilai dan sikap masyarakat kampung dan bandar serta juga peluang yang berbeza bagi kedua-dua jenis masyarakat ini. Walau bagaimanapun bolehlah dianggap bahawa keadaan wanita-wanita yang bekerja di bandar-bandar terutama bila pekerjaan dihadkan kepada masa-masa tertentu tiap-tiap hari, ini tentu sekali akan mempengaruhi keadaan rumahtangga dan keluarga masing-masing. Jadi bagaimanakah rumahtangga diuruskan ketika isteri bekerja. Adakah saudara-mara datang menolong mereka atau adakah digaji orang lain untuk menguruskan kerja-kerja itu. Seterusnya bagaimana pula pemutusan persoalan-persoalan rumahtanggan diambil di kalangan keluarga-keluarga ini dimana isteri-isteri bolih dikatakan luas pandangan. Pendek kata berbagai pertanyaan bolih dikemukakan untuk mengetahui tentang corak keluarga yang wujud akibat daripada penyertaan wanita-wanita ke dalam bidang pekerjaan di luar rumah. Dengan itu untuk huraian-huraian di dalam bab-bab seterusnya penulis cuba memaparkan masalah-masalah atau keadaan yang berkaitan dengan wanita dan kerja, ini berpandukan kepada lima puluh

orang kerani wanita yang sudah kahwin dan yang belum kahwin bagi menjelaskan tentang konsep-konsep serta teori ini.

## BIO-DATA RESPONDEN

### 3A. LATAR BELAKANG RESPONDEN DAN KELUARGA

### 3.1 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Latar belakang responden dan keluarga itu sendiri perlulah diketahui dan diteliti bagi melihat peranan dan implikasi kepada wanita yang menjalankan penduaan tugas. Latar belakang yang akan dijelaskan ini adalah mengenai bio-data mereka seperti umur, taraf pelajaran, saiz keluarga, tempat asal responden dan sebagainya. Faktor-faktor ini penting kerana ianya berkaitrapat antara satu sama lain serta dapat menentukan golongan responden, jenis pekerjaan, pendapatan dan sebab-sebab mereka bekerja seterusnya implikasi terhadap keluarga.

Pertama sekali harus diketahui tingkat umur responden-responden yang ditemui, serta dibuat perbandingan antara responden yang sudah kahwin dengan responden yang belum kahwin.

Jadual 1: UMUR RESPONDEN

| Umur Responden (Tahun) | Responden sudah kahwin | | Responden belum kahwin | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil. | % | Bil. | % |
| 20 – 23 | 2 | 8 | 19 | 76 |
| 24 – 27 | 15 | 60 | 5 | 20 |
| 28 – 31 | 6 | 24 | 0 | 0 |
| 32 – 35 | 1 | 4 | 0 | 0 |
| 36 – 39 | 1 | 4 | 1 | 4 |
| JUMLAH | 25 | 100 | 25 | 100 |

University of Malaya

# BAB III

## BIO-DATA RESPONDEN

### 3A. LATAR BELAKANG RESPONDEN DAN KELUARGA

### 3.1 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Latar belakang responden dan keluarga itu sendiri perlulah diketahui dan diteliti bagi melihat peranan dan implikasi kepada wanita yang menjalankan penduaan tugas. Latar belakang yang akan dijelaskan ini adalah mengenai bio-data mereka seperti umur, taraf pelajaran, saiz keluarga, tempat asal responden dan sebagainya. Faktor-faktor ini penting kerana ianya berkaitrapat antara satu sama lain serta dapat menentukan golongan responden, jenis pekerjaan, pendapatan dan sebab-sebab mereka bekerja seterusnya implikasi terhadap keluarga.

Pertama sekali harus diketahui tingkat umur responden-responden yang ditemui, serta dibuat perbandingan antara responden yang sudah kahwin dengan responden yang belum kahwin.

Jadual 1: UMUR RESPONDEN

| Umur Responden (Tahun) | Responden sudah kahwin | | Responden belum kahwin | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil. | % | Bil. | % |
| 20 - 23 | 2 | 8 | 19 | 76 |
| 24 - 27 | 15 | 60 | 5 | 20 |
| 28 - 31 | 6 | 24 | 0 | 0 |
| 32 - 35 | 1 | 4 | 0 | 0 |
| 36 - 39 | 1 | 4 | 1 | 4 |
| JUMLAH | 25 | 100 | 25 | 100 |

Dari jadual 1 diatas, kita dapati kebanyakkan responden iaitu 60 peratus yang sudah berkahwin berumur antara 24-27 tahun, di sini dapatlah dikatakan terdiri dari ibu-ibu muda yang telahpun mempunyai anak tetapi masih berpotensi untuk mempunyai anak yang lebih banyak bilangannya memandangkan responden-responden ini masih baru mendirikan rumahtangga. Sementara responden yang belum kahwin, sebanyak 76 peratus adalah terdiri dari mereka yang berumur antara 20-23 tahun dan hanya 20 peratus sahaja yang berumur diantara 24-27 tahun. Olih itu kerani-kerani wanita didalam lingkungan usia 20-27 tahun terdapat peratus yang lebih tinggi iaitu 96 peratus didalam golongan wanita belum kahwin berbanding dengan wanita yang sudah kahwin hanya 68 peratus sahaja.

Dari penelitian terhadap umur ini dapat pula dikaitkan dengan saiz keluarga. Dalam aspek ini hanya dapat dilihat saiz di dalam keluarga yang sudah kahwin.

Jadual 2: <u>SAIZ KELUARGA RESPONDEN SUDAH KAHWIN</u>

| Bil. anak (orang) | Purata umur Responden | Bil. Responden | % |
|---|---|---|---|
| Tidak ada anak | 25.3 | 4 | 16 |
| 1 | 25.8 | 10 | 40 |
| 2 | 27.3 | 9 | 36 |
| 3 | 32.5 | 2 | 8 |
| Jumlah | | 25 | 100 |

Sebanyak 16 peratus daripada responden ini masih belum

mempunyai anak, dimana purata umur mereka ialah 25.3 tahun. Manakala peratus tertinggi (40 peratus) terdiri dari ibu-ibu yang mempunyai jumlah anak seramai satu orang yang purata umur dengan responden yang belum mempunyai anak tidak jauh bezanya, iaitu 0.5 sahaja, dimana responden yang mempunyai satu orang anak ini mempunyai purata umur 25.8 tahun. Peratus yang kedua tingginya ialah responden-responden yang mempunyai anak berjumlah dua orang dengan purata sebanyak 36 peratus. Jika dilihat ~~dari~~ dari purata umur mereka juga telah meningkat, iaitu 27.3 tahun. Sementara responden yang mempunyai anak seramai 3 orang pula hanya terdapat 8 peratus sahaja dengan purata umur 32.5 tahun. Jadi responden yang dikaji ini memiliki golongan famili yang masih mempunyai saiz yang kecil, paling ramai anak yang mereka miliki ialah hanya tiga orang. Keadaan ini pula dapat dikaitkan dengan jangkamasa mereka kahwin dan umur ketika responden-responden ini berkahwin.

Jadual 3: UMUR RESPONDEN KETIKA KAHWIN

| Umur(tahun) | Bil.Responden | % |
|---|---|---|
| 18 - 19 | 1 | 4 |
| 20 - 21 | 5 | 20 |
| 22 - 23 | 8 | 32 |
| 24 - 25 | 8 | 32 |
| 26 - 27 | 3 | 12 |
| Jumlah | 25 | 100 |

Dari sini didapati responden-responden yang berkahwin antara

University of Malaya

umur 22-23 tahun merupakan peratus yang tinggi iaitu 32 peratus, begitu juga dengan peringkat umur 24-25 tahun dengan jumlah sebanyak 32 peratus daripada 25 orang responden. Apabila diketahui responden yang ramai sekali (64 peratus) berkahwin ketika berada diperingkat umur antara 22 hingga 25 tahun dapatlah dikaitkan dengan peringkat umur responden yang dikaji mempunyai jumlah yang terbanyak (60 peratus) berada di dalam lingkungan 24-27 tahun seperti dalam Jadual 1. Jadi semua responden kecuali seorang yang berkahwin setelah umur meningkat 20 tahun. Olih itu bersesuaian pula dengan jumlah anak yang diperolehi olih responden-responden ini, dimana peratus tertinggi iaitu 76 peratus responden yang mempunyai anak antara 1-2 orang dengan purata umur antara 25.8 - 27.3 tahun (rujuk Jadual 2). Jumlah anak yang sedikit ini adalah lantaran responden-responden ini masih berada diperingkat baru mendirikan rumahtangga, seperti yang digambarkan didalam Jadual 4:

Jadual 4: LAMA MASA MENDIRIKAN RUMAHTANGGA

| Lama (tahun) | Bil.Responden | % |
|---|---|---|
| Kurang dari 1 tahun | 3 | 12 |
| 2 - 4 | 16 | 64 |
| 5 - 7 | 4 | 16 |
| 8 - 10 | 1 | 4 |
| 11 dan lebih | 1 | 4 |
| Jumlah | 25 | 100 |

University of Malaya

Dari 25 orang responden yang sudah kahwin ini didapati 64 peratus berkahwin selama antara 2 hingga 4 tahun, 12 peratus kurang daripada satu tahun, sementara paling lama sekali ialah hanya seorang sahaja. Ini menunjukkan responden-responden masih baru mengalami alam rumahtangga dan jangkamasa antara 2-7 tahun (80 peratus) memanglah kebiasaannya wanita-wanita ini mempunyai anak yang masih sedikit atau mempunyai saiz keluarga yang kecil. Seorang responden yang telah berkahwin selama 11 tahun masih mempunyai hanya 2 orang anak. Walau bagaimanapun bagi responden ini tidak bererti ia ingin atau merancang untuk mempunyai 2 orang anak sahaja, kerana baginya anak yang diingini seramai 5 orang.

Begitu juga dengan semua responden-responden ini tidak semestinya mahu jumlah anak seperti yang ada sekarang ini, tetapi masing-masing mahukan anak yang lebih ramai lagi dari yang ada sekarang, iaitu di antara 3-6 orang. Demikian juga dengan responden yang belum kahwin. Bagi menunjukkan keadaan ini dapat dilihat dari Jadual 5 ini.

Jadual 5: BILANGAN ANAK YANG IDEAL

| Jumlah anak (orang) | Resp. sudah kahwin | | Resp. belum kahwin | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil. | % | Bil. | % |
| 3 - 4 | 9 | 36 | 11 | 44 |
| 5 - 6 | 10 | 40 | 10 | 40 |
| Tidak tentu | 6 | 24 | 4 | 16 |
| Jumlah | 25 | 100 | 25 | 100 |

University of Malaya

Dari Jadual 5 ini didapati peratus yang tertinggi iaitu 40 peratus responden yang sudah kahwin mengatakan jumlah anak yang ideal ialah diantara lima hingga enam orang. Sementara bagi wanita yang belum kahwin didapati 44 peratus berpendapat jumlah anak yang ideal ialah antara tiga hingga empat orang. Keseluruhannya dapat dilihat pula 'mean' bagi jumlah antara 3-4 orang ialah 3.995, sementara bagi jumlah antara 5-6 orang ialah 5.995, olih itu responden yang sudah berkahwin ingin memiliki anak yang lebih ramai kalau dibandingkan dengan responden yang belum kahwin. Keadaan ini mungkin bolih dikaitkan dengan jumlah adik beradik responden itu sendiri. Sekiranya adik beradik mereka ramai maka mereka inginkan anak yang sedikit bilangannya, memandangkan masalah atau beban yang ditanggung olih orang tua mereka bila mempunyai anak yang ramai. Sementara bagi responden yang mempunyai jumlah adik beradik yang sedikit maka mereka mahu mengekalkan jumlah yang sedikit ini di kalangan anak-anak mereka pula bagi menyesuaikan dengan keadaan mereka bekerja di luar rumah ini yang memerlukan bantuan penjagaan jika anak ramai. Lebih jelas lagi dapat dilihat dari Jadual 6.

Dari Jadual 6 ini pula kita dapati ramai responden yang mempunyai saiz keluarga asal yang besar kerana terdapat sebilangan dari mereka mempunyai adik beradik yang ramai. Bila dilihat pada responden yang sudah kahwin didapati 40 peratus dari mereka mempunyai jumlah adik beradik seramai 5 hingga 6 orang, jumlah ini mencerminkan saiz ideal untuk keluarga mereka pula, dimana didapati 40 peratus

University of Malaya

Jadual 6: BILANGAN ADIK BERADIK RESPONDEN

| Bilangan adik beradik (orang) | Resp. sudah kahwin | | Resp. belum kahwin | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil. | % | Bil. | % |
| 3 - 4 | 3 | 12 | 2 | 8 |
| 5 - 6 | 10 | 40 | 7 | 28 |
| 7 - 8 | 5 | 20 | 9 | 36 |
| 9 - 10 | 5 | 20 | 4 | 16 |
| 11 dan lebih | 2 | 8 | 3 | 12 |
| Jumlah | 25 | 100 | 25 | 100 |

(jadual 5) dari mereka inginkan jumlah anak antara 5-6 orang juga. Keadaan ini menunjukkan saiz adik beradik responden bolih mempengaruhi jumlah anak mereka pula. Sementara responden yang mempunyai saiz adik beradik yang kecil terdapat peratus yang kecil juga, di mana bagi responden yang sudah kahwin hanya terdapat 12 peratus yang mempunyai adik beradik antara 3-4 orang, begitu juga dengan responden yang belum kahwin terdapat 8 peratus sahaja yang mempunyai adik beradik seramai 3-4 orang. Sedangkan jumlah ini bagi anak yang dingini merupakan peratus yang tinggi iaitu 36 peratus bagi responden yang sudah kahwin dan 44 peratus bagi responden yang belum kahwin (rujuk Jadual 5).

Keseluruhan responden-responden ini mempunyai jumlah adik beradik yang ramai, dimana 88 peratus dari responden yang sudah kahwin mempunyai bilangan adik beradik yang ramai iaitu antara 5 orang

University of Malaya

hingga 11 orang lebih, sementara 92 peratus dari responden yang belum kahwin. Jumlah ini semua mencerminkan keluarga orientasi mereka, yang mana terdiri dari keluarga yang besar, olih itu mereka mahukan keluarga mereka bersaiz kecil. Di sini dapat dilihat perubahan sikap wanita, yang mana dahulunya (terdiri dari ibu-ibu responden) mempunyai anak yang ramai, tetapi bagi responden ini inginkan anak yang tidak ramai, namun begitu mereka ini bukan bermakna tidak akan mempunyai anak yang ramai kerana memandangkan mereka masih berpotensi untuk mempunyai anak ramai kalau dilihat jangkamasa mereka kahwin itu masih berada diperingkat baru lagi, jangkamasa pembiakan atau kesuburan (fertility) mereka masih lagi panjang, mungkin sepuluh atau dua puluh tahun lagi. Olih itu kemungkinan untuk memiliki saiz keluarga yang besar itu masih lagi ada melainkan jika mereka merancang keluarga. Olih itu tidaklah dapat hendak dikatakan lagi bahawa saiz keluarga bagi wanita yang bekerja di luar rumah itu lebih kecil daripada wanita yang tinggal di rumah seperti yang seringkali terdapat andaian-andaian seperti ini dari masyarakat sekeliling, ini adalah kerana pengkaji menemui responden-responden yang terdiri dari wanita yang masih baru mengalami alam rumahtangga. Jadi secara keseluruhannya mengenai saiz keluarga ini, responden-responden ini berada diperingkat peralihan setiap dari sikap lama kepada sikap baru, di mana bagi wanita yang benar-benar moden sekarang ini inginkan hanya 2 orang anak sahaja sebagai jumlah anak yang ideal bagi menyesuaikan dengan keadaan dan sikap wanita yang bekerja di luar rumah.

Selain daripada itu perlu juga diperhatikan atau diketahui tentang latar belakang pendidikan yang dicapai olih setiap wanita yang menjadi responden dalam kajian ini, kerana dari sini juga akan dapat mengetahui kenapa mereka bekerja dan sejauhmana mereka menyumbangkan pengetahuan mereka ini terhadap badan-badan berkanun.

Jadual 7: TARAF PENDIDIKAN

| Taraf Pendidikan | Resp. sudah kahwin Bil. | % | Resp. belum kahwin Bil. | % |
|---|---|---|---|---|
| Tamat Tingkat 5 (SPM/MCE) | 16 | 64 | 14 | 56 |
| STP | 7 | 28 | 11 | 44 |
| Sek. Latihan (SPVM) | 2 | 8 | 0 | 0 |
| Jumlah | 25 | 100 | 25 | 100 |

Dari Jadual 7 ini didapati kedua-dua kategori responden ini mempunyai peratus yang tinggi didalam pendidikan setakat tingkatan lima atau diperingkat Sijil Pelajaran Malaysia iaitu wanita yang sudah berkahwin didapati sebanyak 64 peratus, sementara wanita yang belum kahwin ialah 56 peratus. Olih itu wanita yang sudah kahwin, ramai yang mempunyai pelajaran setakat Sijil Pelajaran Malaysia, hanya 28 peratus sahaja yang mengambil atau mempunyai asas Sijil Tinggi Persekolahan, sedangkan wanita yang belum kahwin sebanyak 44 peratus. Ini menunjukkan bahawa responden yang belum kahwin mempunyai pendidikan yang lebih tinggi dari wanita yang sudah kahwin tetapi lantaran

berbagai faktor dan masalah yang menyebabkan mereka berhenti sekolah dan memilih untuk bekerja. Kenyataan ini dapat dijelaskan dari Jadual 9, iaitu mengenai sebab-sebab mengapa responden-responden ini berhenti sekolah. Sebelum itu perlu juga dilihat pendidikan tambahan dari segi kemahiran seperti menaip dan trengkas di kalangan kerani-kerani wanita didalam sektor badan berkanun ini.

Jadual 8: PELAJARAN TAMBAHAN

| Jenis Pelajaran | Resp. sudah kahwin | | Resp. belum kahwin | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil. | % | Bil. | % |
| Menaip | 15 | 60 | 18 | 72 |
| Taip & Trengkas | 10 | 40 | 7 | 28 |
| Jumlah | 25 | 100 | 25 | 100 |

Tiap-tiap kategori responden ini mempunyai sejumlah besar dari mereka yang mempunyai pelajaran menaip, 60 peratus bagi golongan wanita yang sudah kahwin dan 72 peratus dari responden yang belum kahwin. Sementara selebihnya pula mempunyai pengetahuan dalam trengkas dan taip menaip. Faktor ini merupakan pengetahuan yang sesuai dengan pekerjaan dalam bidang pekeranian kerana dari sini juga responden dapat menambahkan kemahiran mereka, lalu dapat meningkatkan kategori mereka dalam pekerjaan. Biasanya responden ini belajar menaip dan trengkas pada masa lapang dan selepas tamat persekolahan iaitu sementara mendapat pekerjaan.

Setelah melihat taraf pencapaian pendidikan dari pelajaran

University of Malaya

tambahan ini, didapati responden-responden ini ada yang mempunyai kemajuan dan mencapai taraf yang tinggi, tetapi apabila ditanya kenapa mereka tidak meneruskan pelajaran mereka dengan lebih tinggi lagi, maka responden-responden memberi berbagai alasan yang menyebabkan mereka berhenti sekolah. Gambaran ini dapat dijelaskan melalui Jadual 9.

Jadual 9: SEBAB-SEBAB RESPONDEN BERHENTI SEKOLAH

| Alasan | Resp. sudah kahwin Bil. | % | Resp. belum kahwin Bil. | % |
|---|---|---|---|---|
| Tidak mampu | 9 | 36 | 5 | 20 |
| Tidak dapat masuk ke sekolah kerajaan | 4 | 16 | 4 | 16 |
| Telah mendapat kerja | 8 | 32 | 13 | 52 |
| Tidak ada minat untuk belajar lagi | 4 | 16 | 3 | 12 |
| Jumlah | 25 | 100 | 25 | 100 |

Bagi responden yang sudah kahwin terdapat 36 peratus tidak mampu untuk meneruskan pelajaran yang menyebabkan mereka berhenti sekolah. Olih sebab itulah sebanyak 64 peratus (rujuk Jadual 7) daripada mereka ini yang mencapai pelajaran setakat Sijil Pelajaran Malaysia.

Berbeza pula dengan responden yang belum kahwin, yang paling ramai sebanyak 52 peratus dari 25 orang itu berhenti sekolah kerana menerima pekerjaan yang ditawarkan. Dengan kata lain mereka meng-

utamakan kerja daripada meneruskan pelajaran, mungkin kerana mereka mahu membantu ibu bapa atau menyara adik beradik sebagaimana yang diketahui ramai responden-responden yang mempunyai bilangan adik beradik yang ramai (rujuk Jadual 6).

Tidak kurang juga responden-responden ini yang mengatakan sebab mereka berhenti sekolah kerana sudah tidak berminat lagi untuk belajar, iaitu sebanyak 28 peratus daripada 50 orang responden ini yang memberi alasan yang sebegini. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan tempat asal responden. Dimana dari segi tempat tinggal ini iaitu sama ada dari bandar atau luar bandar akan mempengaruhi responden berhenti sekolah atau bekerja kerana ianya berkaitrapat dengan latar belakang keluarga responden.

Jadual 10: <u>TEMPAT ASAL RESPONDEN</u>

| Tempat Asal | Responden sudah kanwin Bil. | % | Responden Belum kahwin Bil. | % |
|---|---|---|---|---|
| Kelantan: Kota Bharu | 9 | 36 | 11 | 44 |
| Luar dari Kota Bharu | 13 | 52 | 14 | 56 |
| Luar dari Kelantan | 3 | 12 | 0 | 0 |
| Jumlah | 25 | 100 | 25 | 100 |

Dari Jadual 10 yang menunjukkan tempat asal responden ini didapati lebih ramai yang datang dari luar Kota Bharu iaitu sebanyak 52 peratus bagi responden yang sudah kahwin dan 56 peratus dari

jumlah responden yang belum kahwin. Mereka ini adalah dari kampung-kampung dan daerah-daerah yang jauh dari Kota Bharu. Keadaan ini menunjukkan dalam bidang pekerjaan di luar rumah terutama dalam bidang kerani ini ramai diceburi olih wanita dari luar bandar berbanding dengan wanita di bandar (Kota Bharu). Tidaklah pula bermakna wanita-wanita dalam bandar tidak bekerja di luar rumah, tetapi kemungkinan mereka ini memegang jawatan-jawatan atau bekerja dalam bidang-bidang lain.

Bidang perkeranian ini ramai diceburi olih wanita luar bandar bersesuaian dengan taraf pendidikan yang diperolehi iaitu sebilangan besar mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia. Jadi apabila responden berpeluang mendapat kerja, maka mereka terus bekerja, memandangkan keluarga mereka tidak mampu untuk membiayai persekolahan mereka, kerana kebanyakkan wanita dari luar bandar ini mempunyai keluarga yang berpendapatan rendah yang terdiri dari golongan petani, lebih-lebih lagi golongan responden yang belum kahwin, yang mana khidmat mereka diperlukan untuk membantu keluarga.

Terdapat juga responden-responden yang berasal dari luar negeri Kelantan yang semuanya terdiri dari responden yang sudah kahwin sebanyak 12 peratus, masing-masing berasal dari Negeri Sembilan, Perak dan Seberang Prai. Penghijrahan mereka adalah kerana mengikut suami bertugas di Kota Bharu, ~~hanya seorang dari mereka yang datang ke Kota Bharu~~, hanya seorang dari mereka yang datang ke Kota Bharu sebelum kahwin. Pada keseluruhannya kerani-kerani wanita yang ditemui

University of Malaya

ini berasal dari negeri Kelantan iaitu dikatakan sebagai 'orang tempatan' bekerja di badan-badan berkanun di Kota Bharu.

3.2 LATAR BELAKANG KELUARGA RESPONDEN

Kita telah perhatikan tentang latar belakang responden itu sendiri, jadi perlu jugalah diperhatikan tentang latar belakang keluarga asal responden itu untuk membantu pengkaji menganalisa keadaan responden dengan peranan mereka seterusnya didalam bab-bab yang akan datang. Didalam aspek ini, perkara-perkara yang akan diperhatikan ialah mengenai umur dan pekerjaan ibu bapa responden. Faktor-faktor ini akan dapat menjelaskan dengan lebih mendalam tentang sebab-sebab wanita bekerja. Pertama sekali eloklah dilihat dulu tentang umur bapa responden seperti yang digambarkan dalam Jadual 11.

Jadual 11: UMUR BAPA RESPONDEN PADA MASA KAJIAN*

| Umur Bapa (tahun) | Resp. sudah kahwin Bil. | % | Resp.belum kahwin Bil. | % |
|---|---|---|---|---|
| 39 dan kurang | 0 | 0 | 2 | 8 |
| 40 - 44 | 2 | 8 | 1 | 4 |
| 45 - 49 | 3 | 12 | 6 | 24 |
| 50 - 54 | 10 | 40 | 6 | 24 |
| 55 - 59 | 2 | 8 | 5 | 20 |
| 60 dan lebih | 8 | 32 | 5 | 20 |
| Jumlah | 25 | 100 | 25 | 100 |

* 5 orang dari mereka ini telah meninggal dunia dan 4 orang sebagai pesara.

Dari kajian yang dibuat ini didapati ramai responden yang mempunyai bapa yang berada dalam lingkungan usia yang telah tua. Bagi wanita yang sudah kahwin kebanyakan (40 peratus) mempunyai bapa yang berada dalam lingkungan umur 50-54 tahun, malah ada yang mempunyai bapa yang sudah menjangkau usia 60 tahun keatas serta terdapat juga responden yang sudah tidak mempunyai bapa lagi. Secara keseluruhannya kita dapat lihat di mana responden yang belum kahwin lebih ramai daripada responden yang sudah kahwin mempunyai bapa yang masih berada dalam lingkungan umur pertengahan yakni antara 39-49 tahun, iaitu bagi wanita belum kahwin sebanyak 36 peratus, sedangkan hanya 20 peratus bagi wanita yang sudah kahwin. Olih itu nyatalah bahawa hampir keseluruhan (80 peratus) wanita yang sudah kahwin mempunyai bapa yang berada dalam lingkungan 50an hingga 60an, sedangkan bagi wanita belum kahwin hanya 64 peratus. Jadi, adakah mereka ini tidak mampu untuk menyara anak-anak mereka melanjutkan pelajaran? Persoalan ini berkaitan pula dengan umur ibu-ibu responden.

Rata-rata responden ini mempunyai ibu yang berada dalam lingkungan umur 40-54 tahun, dimana responden yang sudah kahwin mempunyai ibu dalam lingkungan umur ini ialah 76 peratus, sementara bagi wanita yang belum kahwin sebanyak 52 peratus. Apabila dilihat umur bapa dan umur ibu ini didapati ramai responden yang mempunyai ibu dan bapa yang berada dalam peringkat umur pertengahan. Faktor ini jugalah yang dapat mempengaruhi penglibatan responden didalam pekerjaan di luar rumah. Di mana responden melihat orang tua mereka, terutama

Jadual 12: UMUR IBU RESPONDEN

| Umur Ibu (tahun) | Resp. sudah kahwin Bil. | % | Resp. belum kahwin Bil. | % |
|---|---|---|---|---|
| 30 - 34 | 0 | 0 | 1 | 4 |
| 35 - 39 | 2 | 8 | 4 | 16 |
| 40 - 44 | 6 | 24 | 5 | 20 |
| 45 - 49 | 4 | 16 | 9 | 36 |
| 50 - 54 | 9 | 36 | 4 | 16 |
| 55 - 59 | 3 | 12 | 2 | 8 |
| 60 dan lebih | 1 | 4 | 0 | 0 |
| Jumlah | 25 | 100 | 25 | 100 |

ibu-ibu yang tidak bekerja 'makan gaji' tidak semewah ibu-ibu yang 'makan gaji' dan tidak mendapat kebebasan dalam ekonomi. Olih itu responden-responden memilih untuk bekerja bagi mendapat kesenangan hidup dan menjamin masa depan anak-anak mereka. Dari fakta ini kita dapat kaitkan dengan perubahan sikap dari wanita dahulu dengan wanita sekarang dalam bidang pekerjaan.

Dari umur ibu ini juga dapat memberi contoh kepada responden yang merupakan ibu dan bakal menjadi ibu. Bila didapati ibu-ibu kepada responden-responden ini mempunyai anak yang ramai, ini akan mempengaruhi responden samada untuk mendapatkan anak yang ramai atau sendiri. Dalam Jadual 5 telah ditunjukkan jumlah anak yang diingini olih responden adalah antara 3-6 orang sahaja, iaitu adanya pengaruh

University of Malaya

daripada jumlah anak kepada ibu-ibu mereka (adik beradik responden). Mereka dapati dari segi kesihatan juga terganggu bila mempunyai (melahirkan) anak yang ramai, keadaan ini adalah contoh yang mereka dapati daripada ibu-ibu mereka. Responden-responden ini mengatakan ibu mereka sering saja sakit ketika usia sudah menjangkau 40an lantaran mempunyai anak yang ramai. Dari sinilah mereka cuba mengawal pembiakan atau berusaha supaya tidak mempunyai anak yang ramai dengan berbagai cara yang dilakukan seperti menggunakan perancang keluarga. Faktor mengamalkan perancang keluarga ini juga merupakan salah satu daripada tendensi bagi wanita yang bekerja di luar rumah untuk memiliki saiz keluarga yang kecil.

Pekerjaan ibu bapa juga merupakan latar belakang yang perlu diketahui untuk menentukan penglibatan wanita dalam pekerjaan nanti, terutama sekali bagi wanita yang belum kahwin.

Jadual 13: PEKERJAAN BAPA RESPONDEN SUDAH KAHWIN

| Pekerjaan | Bil. Responden | % |
|---|---|---|
| Petani | 11 | 44 |
| Peniaga | 4 | 16 |
| Guru | 3 | 12 |
| Tukang perak | 1 | 4 |
| Nazir sekolah | 1 | 4 |
| Askar | 1 | 4 |
| Kadi | 1 | 4 |
| Nelayan | 1 | 4 |
| Penyelia hospital | 1 | 4 |
| Pemandu teksi | 1 | 4 |
| Jumlah | 25 | 100 |

Dari Jadual 13 ini didapati bapa responden yang menjadi petani adalah paling ramai iaitu sebanyak 44 peratus. Sememangnya diketahui pekerjaan petani memperolehi pendapatan yang kurang dan hidup di dalam serba kekurangan, olih itu faktor ini merupakan faktor yang menyebabkan responden tidak mampu meneruskan pelajaran, terutama responden yang datang dari luar bandar. Keadaan luar bandar ini pula tidak dapat dipisahkan dengan pertanian, olih itu petani tidak mampu meneruskan pelajaran anak-anak mereka, lebih-lebih lagi jika mereka mempunyai saiz keluarga yang besar. Begitu juga dengan pekerjaan bapa responden yang belum kahwin, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 14 ini.

Jadual 14: PEKERJAAN BAPA RESPONDEN YANG BELUM KAHWIN

| Pekerjaan | Bil. Responden | % |
|---|---|---|
| Petani | 9 | 36 |
| Peniaga | 6 | 24 |
| Guru | 3 | 12 |
| Askar | 1 | 4 |
| Penyelia hospital | 1 | 4 |
| Pemandu teksi | 2 | 8 |
| Boroh | 1 | 4 |
| Kerani | 2 | 8 |
| Jumlah | 25 | 100 |

University of Malaya

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Bagi golongan responden belum kahwin juga mempunyai peratus yang tinggi (36 peratus) bagi mereka sebagai petani dan 24 peratus sebagai peniaga. Jadi dari segi latar belakang mereka adalah hampir sama dan sebab-sebab mereka berhenti sekolah juga hampir sama, iaitu dengan alasan tidak mampu meneruskan pelajaran di samping alasan untuk menyara adik-adik serta meringankan beban ibu bapa, kerana apabila kita lihat dalam masyarakat petani di kalangan orang Melayu terutamanya, bila sebagai petani maka isteri juga merupakan petani yang sekadar membantu suami dan mereka juga sebagai suri rumah. Keadaan ini dapat digambarkan melalui Jadual 15.

Jadual 15: PEKERJAAN IBU-IBU RESPONDEN

| Pekerjaan ibu | Responden sudah kahwin Bil. | % | Resp.belum kahwin Bil. | % |
|---|---|---|---|---|
| Suri rumah | 11 | 44 | 14 | 56 |
| Petani | 8 | 32 | 7 | 28 |
| Peniaga | 5 | 20 | 4 | 16 |
| Guru | 1 | 4 | 0 | 0 |
| Jumlah | 25 | 100 | 25 | 100 |

Kebanyakan ibu-ibu kepada responden-responden ini merupakan suri rumah, di mana sebanyak 44 peratus responden yang sudah kahwin mempunyai ibu-ibu sebagai suri rumah dan 32 peratus pula sebagai suri rumah dan 32 peratus pula sebagai petani. Sementara 20 peratus sebagai peniaga dan seorang sebagai guru. Begitu juga dengan ibu

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

kepada responden yang belum kahwin sebanyak 56 peratus adalah suri rumah dan 28 peratus sebagai petani serta selebihnya (16 peratus) sebagai peniaga. Olih itu ibu-ibu kepada responden-responden ini keseluruhannya, kecuali seorang tidak bekerja 'makan gaji', jadi ibu-ibu ini mempunyai masa berada di rumah lebih panjang daripada responden-responden itu sendiri. Di sini jelas menampakkan perbezaan dalam soal pekerjaan dan peranan antara responden-responden dengan ibu-ibu mereka.

## 3B. WANITA DAN PEKERJAAN

### 3.3 SEBAB-SEBAB WANITA BEKERJA

Ada berbagai-bagai faktor yang menyebabkan seseorang wanita itu bekerja di luar rumah atau dengan kata lain menduakan peranan mereka. Di antara sebab-sebabnya merangkumi faktor-faktor ekonomi, keluarga, keadaan sosial serta masyarakat sekeliling dan lain-lain. Faktor-faktor ini dapatlah dilihat seperti dalam Jadual 16 dan huraian seterusnya.

Jadual 16: SEBAB-SEBAB WANITA BEKERJA

| Alasan | Resp. sudah kahwin | | Resp. belum kahwin | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil. | % | Bil. | % |
| a) Memiliki wang sendiri | 7 | 28 | 7 | 28 |
| b) Menambahkan pendapatan keluarga/suami | 6 | 24 | 10 | 40 |
| c) Jemu tinggal di rumah | 6 | 24 | 4 | 16 |
| d) Ingin melihat hasil dari pencapaian pelajaran | 2 | 8 | 2 | 8 |
| e) Prestige | 2 | 8 | 1 | 4 |
| f) Lain-lain | 2 | 8 | 1 | 4 |
| Jumlah | 25 | 100 | 25 | 100 |

University of Malaya

a) Memiliki Wang Sendiri

Keinginan memiliki wang sendiri merupakan faktor ekonomi yang menjadi salah satu sebab seseorang wanita itu bekerja, terdapat sebanyak 28 peratus bagi responden yang sudah kahwin dan juga 28 peratus bagi yang belum kahwin. Mereka ingin berdikari dengan wang hasil dari pendapatan mereka sendiri, dengan ini mereka lebih bebas dalam menggunakan wang dan tidak terlampau bergantung kepada wang atau pendapatan suami semata-mata, lebih-lebih lagi bagi suami yang berpendapatan rendah.

Lagipun bagi wanita yang bekerja merasakan hidup mereka lebih cerah dan terjamin sekiranya mereka mempunyai wang sendiri. Sekiranya berlaku sesuatu perkara yang tidak dingini, misalnya berlaku pencaraian, suami meninggal dunia, suami diberhentikan kerja dan peniagaan suami merosot, mereka tidak akan hilang punca pendapatan kelak, iaitu mereka menyambung tugas suami sebagai pemberi nafkah keluarga apabila mereka mempunyai pendapatan sendiri. Bagi melihat pendapatan responden dengan lebih jelas lagi, di sini diperturunkan dalam Jadual 17 jumlah pendapatan yang diperolehi.

Pada keseluruhan pendapatan responden dalam lingkungan $300.00 hingga $500.00 sebulan. Taraf gaji mereka ini bersesuaian dengan taraf pencapaian mereka dalam pelajaran. Walaupun responden ini mempunyai pendapatan yang rendah tetapi mereka tetap meneruskan kerja mereka, kerana mereka ingin memiliki wang mereka sendiri dan

Sambungan Jadual 17: PENDAPATAN RESPONDEN

| Pendapatan sebulan ($) | Resp. sudah kahwin Bil. | % | Resp. belum kahwin Bil. | % |
|---|---|---|---|---|
| 300 - 400 | 11 | 44 | 17 | 68 |
| 401 - 500 | 8 | 32 | 5 | 20 |
| 501 - 600 | 4 | 16 | 2 | 8 |
| 601 - 700 | 1 | 4 | 0 | 0 |
| 701 - 800 | 0 | 0 | 1 | 4 |
| 801 - 900 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 901 - 1000 | 1 | 4 | 0 | 0 |
| Jumlah | 25 | 100 | 25 | 100 |

bebas berbelanja dengan wang sendiri. Walaupun didapati responden yang sudah kahwin ramai yang mempunyai suami yang berpendapatan lebih daripada mencukupi untuk menyara keluarga mereka yang masih kecil itu, tetapi mereka tetap juga bekerja di luar rumah. Ada pula setengah daripada responden ini mempunyai pendapatan yang lebih tinggi daripada suaminya, seperti yang dibuktikan dari Jadual 18 ini.

Jadual 18: PENDAPATAN DALAM KELUARGA BAGI RESPONDEN YANG SUDAH KAHWIN

| Bil. | Pendapatan responden ($) | Pendapatan suami ($) | Pendapatan bersama ($) |
|---|---|---|---|
| 1 | 315 | 2,285 | 2,600 |
| 2 | 330 | 300 | 630 |
| 3 | 350 | 1,000 | 1,350 |

University of Malaya

Sambungan

| Bil. | Pendapatan responden ($) | Pendapatan suami ($) | Pendapatan bersama ($) |
|---|---|---|---|
| 4 | 370 | 400 | 700 |
| 5 | 350 | 750 | 1,070 |
| 6 | 370 | 1,100 | 1,470 |
| 7 | 335 | 1,000 | 1,335 |
| 8 | 370 | 300 | 670 |
| 9 | 400 | 400 | 800 |
| 10 | 400 | 500 | 900 |
| 11 | 420 | 1,000 | 1,420 |
| 12 | 420 | 500 | 920 |
| 13 | 420 | 370 | 790 |
| 14 | 420 | 1,000 | 1,400 |
| 15 | 470 | 545 | 1,015 |
| 16 | 470 | 545 | 1,015 |
| 17 | 471 | 1,000 | 1,471 |
| 18 | 500 | 500 | 1,000 |
| 19 | 520 | 350 | 870 |
| 20 | 550 | 1,000 | 1,550 |
| 21 | 550 | 500 | 1,050 |
| 22 | 600 | 1,400 | 2,000 |
| 23 | 670 | 8,000 | 8,670 |
| 24 | 600 | 1,000 | 1,600 |
| 25 | 1,000 | 1,000 | 2,000 |
| Jumlah | 11,671 | 26,745 | 38,296 |
| Purata | 466.84 | 1069.8 | 1531.84 |

University of Malaya

Dari perbandingan dalam pendapatan ini terdapatnya responden yang mempunyai pendapatan yang tinggi, iaitu sudah bolih membuatkan responden berhenti dari bekerja di luar rumah dan menumpukan kepada tugas dalam rumahtangga kerana suami-suami bolih membiayai keluarga mereka, tetapi lantaran responden ini mahu memiliki wang sendiri maka mereka tetap meneruskan kerja mereka, walaupun pendapatan yang di-perolehi terlalu rendah, contohnya seperti responden bil. 1 yang mempunyai pendapatan sebanyak $315.00 sebulan, sedangkan suaminya mempunyai pendapatan sehingga $2,285. Kalau dibandingkan kedua-duanya maka gaji isteri terlampau kecil, tetapi bagi responden ini, gajinya sendiri lebih bermakna dan mendorong beliau bekerja. Bagi menjelaskan dengan lebih lanjut lagi tentang pendapatan dalam keluarga responden ini perlu dilihat pula peratusan responden mengikut pendapatan suami, seperti yang digambarkan dalam Jadual 19.

Jadual 19: PENDAPATAN SUAMI RESPONDEN

| Pendapatan sebulan ($) | Bil. responden (sudah kahwin) | % |
|---|---|---|
| 300 - 400 | 6 | 24 |
| 401 - 500 | 4 | 16 |
| 501 - 600 | 2 | 8 |
| 601 - 700 | 0 | 0 |
| 701 - 800 | 1 | 4 |
| 801 - 900 | 0 | 0 |
| 901 - 1000 | 8 | 32 |
| 1001 - 2000 | 2 | 8 |
| 2001 dan lebih | 2 | 8 |
| Jumlah | 25 | 100 |

Hampir separuh (48 peratus) daripada responden ini mempunyai suami yang berpendapatan antara $901.00 hingga lebih. Sebanyak 40 peratus pula yang mempunyai pendapatan antara $300.00 hingga $500.00 sebulan dan 12 peratus pula yang berpendapatan sederhana iaitu antara $501.00 hingga $800.00 sebulan. Jadi jelaslah di sini bahawa responden ini mahu memiliki wang sendiri merupakan faktor utama mereka bekerja, ternyata dengan 28 peratus (rujuk Jadual 16) dari responden yang sudah kahwin memberi alasan ini.

b) <u>Menambahkan Pendapatan Keluarga</u>

Bagi menambahkan pendapatan keluarga juga merupakan faktor ekonomi yang menyebabkan wanita bekerja. Sebanyak 24 peratus daripada 25 orang responden yang sudah kahwin mengatakan bahawa mereka bekerja dengan tujuan untuk menambahkan pendapatan suami dan membantu keluarga. Mereka ini (24 peratus) terdiri dari suami yang berpendapatan rendah antara $300.00 hingga $400.00 sebulan. Yang selebihnya adalah mempunyai suami yang berpendapatan tinggi, olih itu adalah mereka bekerja untuk membantu suami? Sebenarnya maksud mereka ialah untuk membantu orang tua mereka, dimana apabila mempunyai wang sendiri maka mereka bebas membantu ibu bapa dan adik beradik mereka.

Faktor ini lebih tertumpu kepada responden yang belum kahwin kerana terdapat 40 peratus dari 25 orang responden ini memberi alasan mereka bekerja untuk menambahkan pendapatan keluarga. Keadaan ini ditambah pula dengan jumlah adik beradik yang ramai (rujuk Jadual 6), jadi responden-responden ini perlu membantu adik beradik mereka untuk

University of Malaya

meneruskan pelajaran kerana ibu bapa mereka tidak dapat menampung perbelanjaan seluruhnya, lebih-lebih lagi sekarang ini semua keperluan harian memerlukan wang serta harga barang-barang juga semakin naik, sedangkan pendapatan tidak bertambah. Lantaran keadaan keluarga yang terdesak inilah yang menyebabkan responden bekerja di luar rumah.

Selain daripada itu juga apabila responden ini bekerja dan dapat membantu keluarganya, maka mereka dapat menunjukkan tanda menghormati dan membalas jasa kedua ibu bapa mereka. Ini ada kaitannya dengan nilai-nilai institusi keluargaan di dalam masyarakat orang Melayu yang mengharapkan anak-anak dapat membantu ibu bapa dan kaum keluarga yang kurang bernasib baik. Harapan yang beginilah menyebabkan ibu bapa atau setiap orang mahukan anak iaitu untuk memberi jaminan dikala mereka tua serta menghibur dan menghilangkan rasa sunyi dimasa anak-anak masih kecil. Faktor ini jugalah merupakan faktor yang mendorong suri rumah atau wanita-wanita untuk bekerja di luar rumah.

Jadi, pendapatan isteri adalah penting dari segi menambahkan pendapatan keluarga, umpamanya dengan pendapatan itu membolihkan mereka membuat pembayaran terhadap perbelanjaan - perbelanjaan yang mustahak seperti bayaran ansuran membeli rumah, membeli kereta dan lain-lain. Di kalangan keluarga di mana suami berpendapatan rendah atau "lower income group", keadaan isteri bekerja lebih tetap kerana perbelanjaan keluarga bergantung kepada kedua-dua suami dan isteri.

University of Malaya

Begitu juga seperti yang dijelaskan olih Davies;

> "The work that women do, and always have done, to supplement the family income, has moved away from the home and into the office, the factory and the shop. In addition, the traditional products of woman's labour at home, the bread, the cloting are now not made within the family but bought for it in shop from the money made in outside work. Marriage has brought with it economic duties, and with them the assurance of a certain economic status. Formerly, the economic and social status went together .... However, as we have seen, a separation has occurred between the two parts of the dual function of women; as wife and mother, and as a contributor to the upkeep of the family. In the second role, most women once other contributed by making goods for sale outside, or reduced family expenditure by making clothes and growing or otherwise providing food."
>
> (Davies: 1975: 99)

Olih itu, dengan keluarga yang bergantung kepada kedua-dua pendapatan suami dan isteri dapat meninggikan taraf hidup keluarga, keadaan ini dapat dilihat dengan jelas dalam Jadual 18 tadi. Dari jadual tersebut kita dapati sekiranya hanya suami-suami sahaja yang bekerja, sedangkan isteri tidak mempunyai pendapatan maka purata pendapatan suami ialah $1069.8. Sebaliknya apabila isteri juga mempunyai pendapatan maka kedua-dua pendapatan itu dicampur dan didapati puratanya meningkat kepada $1531.84 sebulan. Olih itu jelaslah adanya pertambahan didalam pendapatan keluarga dengan adanya pendapatan responden, yang mana purata keseluruhan pendapatan responden ini ialah $256.04 sebulan.

c) Ingin melihat hasil dari pencapaian pelajaran

Sebanyak 16 peratus dari kedua-dua golongan responden ini, iaitu masing-masing 8 peratus memberi sebab mereka bekerja ialah untuk melihat hasil dari titikpeluh mereka belajar selama ini. Responden-responden merasakan sia-sia jika pelajaran yang mereka terima di sekolah atau di pusat-pusat latihan itu tidak digunakan untuk mendapatkan hasil kemudiannya. Sememangnya menjadi dasar pemikiran masyarakat kini bahawa belajar itu adalah dengan tujuan untuk bekerja atau dengan lebih tepat lagi untuk 'makan gaji'. Ini dapat dikaitkan dengan keinginan seseorang itu untuk meninggikan taraf hidupnya yang dirasakan tertindas atau berada dalam serta kekurangan, lantas mereka bekerja. Jadi, dengan peningkatan dalam pelajaran dan pertambahan wanita yang terpelajar menyebabkan pertambahan wanita bekerja di luar rumah dengan menduakan peranan mereka. Olih itu pelajaran juga merupakan salah satu faktor yang mendorong wanita bekerja di luar rumah.

d) Jemu tinggal di rumah

Tinggal di rumah sahaja sepanjang hari merupakan sesuatu yang menjemukan bagi sebilangan wanita. Bagi responden-responden yang dikaji dalam kajian ini didapati 24 peratus dari golongan yang sudah kahwin dan 16 peratus dari 25 orang yang belum kahwin berpendapat bahawa tinggal di rumah sehari suntuk adalah menjemukan, olih yang demikian mereka mencari jalan keluar dengan bekerja di luar rumah.

Faktor ini bolih dikaitkan dengan perubahan masyarakat dari tradisional kepada masyarakat industri bandaran hari ini. Seperti

University of Malaya

mana yang dijelaskan didalam Bab II dulu dalam zaman moden ini membawa teknologi moden, lalu memberi berbagai kemudahan didalam penggunaan peralatan rumah. Jadi sekiranya dahulu, masa yang banyak dihabiskan di rumah, tetapi sekarang wanita-wanita menggunakan segala kemudahan itu dan memendekkan masa kerja di dalam rumah kerana kerja dapat dilakukan dengan cepat, hasil dari penggunaan kuasa automatik, olih itu wanita atau responden ini mempunyai masa lapang yang banyak. Untuk memenuhi masa lapang inilah mereka bekerja di luar rumah. Responden ini juga merasakan tugas mereka di rumah sudah diambialih olih alat-alat moden itu, dengan ini menimbulkan rasa jemu tinggal di rumah, begitu juga mengikut Ogburn dan Nimcoff;

> "Sememangnya ada bukti-bukti yang menunjukkan wanita kelas menengah dalam masyarakat industri bandaran menunjukkan ketidakpuasan dalam peranan mereka di rumah."
>
> (Ogburn & Nomcoff: 1969: 156)

Faktor ini adalah kerana pekerjaan di rumah dirasakan sesuatu pekerjaan yang tidak mendapat ganjaran atau bayaran yang memuaskan seperti pekerjaan yang bolih didapati di luar.

e) "Prestige"

Faktor "prestige" ini dapat dikaitkan dengan perubahan nilai masyarakat sekarang ini yang ada diantaranya memandang tinggi kepada wanita yang berpelajaran dan bekerja. Olih itu bekerja di luar rumah adalah sesuatu yang dianggap "prestigeous", dari kajian ini didapati

sebanyak 12 peratus daripada responden bekerja untuk mendapatkan "prestige" yang tinggi dimata masyarakat. Alasan ini jugalah yang menyebabkan wanita sanggup memainkan dua peranan dalam hidup mereka.

Di kalangan masyarakat bandar terutamanya kenaikan taraf penghidupan yang cepat dan tambahan perbelanjaan-perbelanjaan yang perlu atau "rising standard of living and growing concumption need" mengakibatkan keperluan bagi keluarga mengikut naik lebih cepat daripada pendapatan. Keperluan-keperluan ini bukan saja disebabkan olih "basic necessities" tetapi juga olih "drived wants", iaitu mengikut keadaan hidup keluarga-keluarga yang berdekatan, dengan ini benda-benda yang tidak betul-betul merupakan keperluan menjadi keperluan, kerana "prestige" yang bolih didapati darinya mengikut penilaian dan sikap masyarakat. Bagi masyarakat bandaran sekarang ini sangat memandang dan mengutamakan "prestige", terutama bagi mereka yang bekerja. Keadaan ini dapat membuktikan teori "encironmentalis" yang mana keadaan budaya dan sosial mempengaruhi kelakuan dan kehidupan seseorang.

f) <u>Lain-lain faktor yang menyebabkan wanita bekerja</u>

Diantara lain-lain faktor yang membuatkan wanita bekerja di luar rumah ialah untuk meluaskan pengetahuan dan pergaulan dengan masyarakat, lantas dapat mengetahui keadaan masyarakat besar yang sebenarnya, didalam dunia pekerjaan dunia pekerjaan terutamanya. Sebanyak 12 peratus daripada 50 orang responden ini yang mempunyai kesedaran yang sedemikian ini. Keadaan ini disebabkan pertambahan wanita berpelajaran dan pemikiran mereka telah terbuka kepada dunia

luar daripada rumahtangga.

Disamping itu terdapat juga responden yang menjawab persoalan ini dengan mengatakan mereka seronok bekerja, keseronokan ini dimaksudkan dengan dirinya dapat kepuasan dari segala faktor-faktor tadi, iaitu dari aspek ekonomi dan sosial. Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa kedua-dua faktor ekonomi dan sosial merupakan sebab mengapa ramai wanita menceburkan diri dalam pekerjaan di luar rumah.

> "Today's married women return to work not only for the money but for companionship and for an escape from labour-saving home."
>
> (Davies: 1975: 138)

Begitu juga dengan wanita yang belum kahwin nampaknya mempunyai pendapat dan memberi alasan yang sama dengan wanita yang sudah kahwin dalam persoalan ini.

Apabila ditanya samada responden ini akan meninggalkan kerja mereka ini untuk menguruskan rumahtangga dengan sepenuhnya, didapati ada yang mengatakan kemungkinan mereka berbuat demikian, inipun kalau benar-benar terdesak seperti tidak dapat mencari pembantu rumah, mengikut suami bertugas ke tempat lain atau bila kedudukan kewangan mereka telah stabil. Walau bagaimanapun hanya sebilangan kecil sahaja yang sanggup berbuat demikian, ini menunjukkan bahawa mereka sangat sayang kepada kerja yang mereka pegang, walaupun suami mereka mempunyai pendapatan yang tinggi dan mereka sendiri berpendapatan kecil tetapi mereka tetap ingin meneruskan kerja mereka.

Sikap suami merupakan salah satu faktor yang penting dapat mempengaruhi wanita untuk bekerja. Memandangkan suami-suami kepada responden-responden ini mempunyai pendapatan yang tinggi tadi, bolihlah dikatakan bahawa mereka terdiri dari golongan suami yang berpelajaran seperti berkelulusan dari universiti dan lain-lain institusi pengajian tinggi. Dengan pelajaran ini mengubah sikap suami tradisional yang sukakan isteri tinggal di rumah melayan anak-anak dan suami kepada sikap suami sekarang yang mempunyai kesedaran dan menggalakkan isteri mereka bekerja untuk menambahkan pendapatan mereka serta memberi kebebasan kepada isteri mereka dengan ertikata tidak terlalu mengongkong isteri mereka.

Dari faktor-faktor yang dijelaskan itulah yang menyebabkan wanita-wanita ini bekerja di luar rumah. Dimana ciri-ciri ini merupakan trend kepada wanita dizaman moden yang sukakan kebebasan dan tidak terlalu mengikut atau bergantung kepada suami kerana mereka sudah mengetahui dan mengerti akan hak-hak serta tanggungjawab-tanggungjawab yang harus dipegang atau dijalankan olih seseorang wanita.

University of Malaya



Gambar 1: Gambar Menunjukkan Kerani Wanita Di dalam Pejabat

# BAB IV

## KEADAAN EKONOMI DAN SOSIAL RESPONDEN

Bab IV ini akan meliputi perbincangan-perbincangan mengenai keadaan ekonomi dan sosial responden. Diantara perkara-perkara yang akan dibincangkan ialah seperti pendapatan responden, bentuk-bentuk atau jenis-jenis pekerjaan responden seharian di pejabat dan di rumah, perbelanjaan dalam keluarga, bentuk-bentuk simpanan dan lain-lain yang merangkumi aspek ekonomi. Sementara perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam aspek-aspek sosial seperti hubungan-hubungan sosial dengan ketua pejabat, pegawai-pegawai,rakan sekerja dan lain-lain kakitangan semasa dan selepas pejabat, disiplin yang dikenakan semasa bekerja, kemudahan yang diterima dari pihak majikan, masalah yang dihadapi olih responden dan lain-lain.

### 4A. FAKTOR EKONOMI

### 4.1 PENDAPATAN

Pendapatan seseorang responden dan juga pendapatan suami masing-masing bagi responden yang telah kahwin dan yang belum kahwin telahpun dinyatakan secara ringkas dalam bab III yang lepas. Olih itu disini disentuh secara ringkas mengenai pendapatan atau gaji yang diterima olih responden.

Keseluruhan pendapatan yang diperolehi olih responden ini didapati lebih daripada garis kemiskinan dan sesuai dengan kelulusan

atau kelayakan yang mereka perolihi, yang kebanyakkannya lulus atau sampai setakat Sijil Pelajaran Malaysia, walaupun ada segelintir responden yang memiliki Sijil Tinggi Persekolahan. Bagi responden yang sudah berkahwin akan memperolihi pendapatan yang lebih baik lagi di dalam rumahtangga mereka apabila dicampurkan dengan pendapatan suami masing-masing. Olih itu kedudukan kewangan keluarga yang sudah berkahwin adalah lebih stabil, lebih-lebih lagi mereka ini masih mempunyai bilangan anak yang sedikit.

Bagi responden yang belum kahwin, pendapatan mereka adalah sebagai menambah pendapatan keluarga atau ibu bapa mereka. Lagipun makan minum responden yang belum kahwin ini masih lagi ditanggung oleh ibu bapa mereka dan mereka masih tinggal di rumah orang tua mereka, ini bererti mereka tidak payah mengeluarkan wang untuk keperluan membayar sewa rumah. Responden ini juga berulang alik dari tempat kerja ke rumah, dimana jarak antara kedua-dua tempat itu kebanyakkannya antara 15 hingga 20 kilometer. Jadi, pendapatan mereka hanya untuk meringankan bebanan kewangan keluarga masing-masing.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa wanita-wanita yang bekerja mempunyai tendensi untuk memajukan keluarga dan menaikkan taraf penghidupan mereka memandangkan kos sarahidup semakin tinggi terutamanya bagi responden yang tinggal di bandar yang memerlukan persaingan dalam segala aspek kehidupan, seperti bentuk rumah, alat perabut rumah dan berbagai kelengkapan hidup yang dapat menunjukkan "prestige" seseorang di kalangan masyarakat sekeliling. Olih itu pendapatan

isteri atau wanita adalah sangat besar peranannya dalam pembentukan dan mengukuhkan kedudukan ekonomi sesebuah rumahtangga atau keluarga.

4.2 PERBELANJAAN

Setelah kita tahu pendapatan seseorang responden tadi, eloklah pula diteliti tentang perbelanjaan yang dilakukan olih responden-responden seharian. Perbelanjaan seseorang adalah bergantung kepada pendapatan yang diperolihi mereka, jika responden yang mendapat gaji yang mendapat gaji yang tinggi serta pendapatan suami yang tinggi, maka didapati perbelanjaan mereka tinggi pula, sebaliknya bagi responden yang berpendapatan rendah dan mempunyai tanggungan yang ramai maka mereka tidak berbelanja lebih. Contoh yang dapat dilihat seperti perbelanjaan terhadap barang dapur olih responden yang sudah kahwin, ada responden yang menguntukkannya sebanyak $300.00 sebulan dan ada pula yang hanya menguntukkan sebanyak $50.00 sebulan. Bagi responden yang menguntukkan sebanyak $50.00 sebulan itu hanya untuk membeli alat-alat atau keperluan yang kecil dan yang "remeh-temeh" sahaja, sedangkan barang-barang seperti beras umpamanya mereka tidak beli kerana hasil daripada sawah mereka sendiri, seperti mana yang kita ketahui ramai daripada responden ini datang dari kawasan luar bandar yang biasanya mempunyai sawah padi sendiri. Untuk menjelaskan lagi perbelanjaan untuk barang dapur sahaja dapat dilihat dari Jadual 20 ini.

Jadual 20: PERBELANJAAN UNTUK BARANG DAPUR BAGI RESPONDEN YANG SUDAH KAHWIN

| Jumlah sebulan ($) | Bilangan Responden | % | Purata Jum. Keluarga |
|---|---|---|---|
| 50 - 100 | 5 | 20 | 3.6 |
| 101 - 150 | 2 | 8 | 3.5 |
| 151 - 200 | 3 | 12 | 3 |
| 201 - 250 | 4 | 16 | 3.8 |
| 251 - 300 | 7 | 28 | 3.9 |
| Tidak tentu | 4 | 16 | 2 |
| Jumlah | 25 | 100 | |

Dari jadual di atas didapati bahawa perbelanjaan yang tertinggi sekali untuk barang dapur ialah antara $251.00 hingga $300.00 sebulan bagi 28 peratus dari responden-responden ini. Sementara peratus yang sedikit sekali iaitu 8 peratus membelanjakan untuk barang dapur ialah antara $101.00 hingga $150.00 sebulan. Di samping itu 16 peratus tidak dapat memberi jumlah yang tepat bagi perbelanjaan ini. Aspek perbelanjaan ini dapat dikaitkan dengan jumlah purata ahli keluarga responden (termasuk responden dan suami), dari Jadual 20 ini juga kita dapat melihat purata jumlah keluarga, dengan ini dapat menunjukkan sama ada responden yang berbelanja tinggi itu mempunyai ahli keluarga yang ramai dan responden yang mempunyai saiz keluarga yang kecil itu berbelanja kecil pula. Apa yang dapat kita lihat dari Jadual 20 ini purata jumlah keluarga pada keseluruhannya (84 peratus) antara 3 hingga

39 orang, hanya 16 peratus yang mempunyai purata dua orang jumlah keluarga, di mana responden yang 16 peratus ini terdiri dari responden yang baru kahwin dan masih belum mempunyai anak, jadi jumlah perbelanjaan mereka tidak tentu kerana bergantung kepada lebihan wang yang digunakan untuk keperluan lain, lagipun responden-responden ini selalu makan di luar (di kedai). Olih itu jumlah untuk perbelanjaan bagi barang dapur tidak ditetapkan bagi setiap bulan. Bagi 20 peratus yang berbelanja antara $50.00 hingga $100.00 sebulan mempunyai purata ahli keluarga seramai 3.6 orang, begitu juga dengan 28 peratus responden yang berbelanja antara $251.00 hingga $300.00 sebulan mempunyai jumlah purata ahli keluarga seramai 3.9 orang. Olih itu bagi responden yang menguntukkan perbelanjaan yang sedikit dan yang banyak untuk barang dapur tidak jauh perbezaan didalam jumlah purata keluarga. Di sini dapat dikatakan bahawa banyak atau sedikitnya perbelanjaan yang dikeluarkan olih seseorang responden itu tidak bergantung kepada jumlah ahli keluarga mereka tetapi bergantung kepada pendapatan yang diperolihi olih keluarga mereka.

Mungkin di sini timbulnya persoalan, kenapa pengkaji hanya memberi data yang lengkap di dalam perbelanjaan terhadap barang dapur sahaja? Keadaan ini dapatlah dijelaskan bahawa responden hanya memberikan jumlah yang baik dan lengkap hanya dalam perbelanjaan dapur sahaja, sedangkan dalam perbelanjaan-perbelanjaan lain seperti untuk pakaian, barang kemas, perabut rumah, hiburan dan lain-lain tidak dinyatakan dengan jelas kerana mereka bergantung kepada lebihan

perbelanjaan terhadap barang yang diutamakan. Seperti di dalam belanja untuk pakaian, ada responden menyatakan wang diperlukan sebanyak $100.00 sebulan, memandangkan pakaian merupakan salah satu perkara yang diutamakan olih seseorang wanita yang bekerja. Ada pula yang menyatakan bahawa belanja untuk pakaian tidak ditentukan bahawa belanja untuk pakaian tidak ditentukan kerana bergantung kepada keadaan kewangan dalam bulan tersebut. Bagi mereka yang mempunyai pandangan yang jauh ke hadapan, mereka membuka alaun untuk anak-anak mereka demi untuk masa depan anak-anak itu sendiri. Daripada 25 orang responden yang berumahtangga didapati hanya seorang sahaja yang berbuat demikian untuk anak-anak mereka.

Bagi responden yang belum kahwin pula, perbelanjaan mereka tidak ditentukan jumlahnya setiap bulan, terutama untuk perbelanjaan dalam rumahtangga. Mereka ini hanya memberi sekadar yang mampu kepada orang tua mereka untuk perbelanjaan dapur. Kebanyakkan (60 peratus) daripada mereka memberikan sebanyak $50.00 hingga $100.00 sebulan untuk perbelanjaan dapur di rumah mereka. Selain daripada itu mereka memberi kepada adik-adik mereka untuk perbelanjaan sekolah, selebihnya responden ini menggunakan wang gaji mereka untuk membeli pakaian, barang kemas dan lain-lain keperluan untuk diri sendiri.

Olih itu dapatlah kita lihat perbezaan cara perbelanjaan antara responden yang sudah kahwin dengan responden yang belum kahwin. Bagi responden yang sudah kahwin, perbelanjaan mereka lebih kepada rumahtangga dan keperluan anak-anak, sedangkan bagi responden yang

belum kahwin perbelanjaan mereka lebih kepada diri sendiri dan gaji mereka sebagai menampung perbelanjaan orang tua mereka.

Selain daripada itu juga perbelanjaan yang dilakukan olih responden yang sudah kahwin, mereka sama-sama mengeluarkan belanja antara suami dengan isteri, dengan kata lain mereka ini berkongsi di dalam perbelanjaan dalam rumahtangga. Walau bagaimanapun didapati perbelanjaan yang banyak dilakukan olih suami mereka, terutama di dalam perkara-perkara yang penting di dalam rumahtangga, umpamanya dalam membayar sewa rumah, membeli kereta dan lain-lain keperluan yang penting dibelanjakan oleh suami. Sedangkan isteri hanya membelanjakan wang gaji mereka terhadap alat rumah yang kecil-kecil seperti kerusi meja, perabut-perabut, hiasan dalam rumah, memberi belanja anak-anak dan seumpamanya. Keadaan ini sebenarnya merupakan satu "rule" di dalam sesebuah institusi kekeluargaan yang mana suami sebagai ketua rumahtangga dan isteri sebagai pembantu.

Dari keseluruhan pola-pola perbelanjaan responden, ianya dapatlah disimpulkan bahawa perbelanjaan bagi wanita-wanita yang mempunyai sumber pendapatan sendiri, walaupun pendapatan mereka adalah sederhana namun mereka pandai membahagi-bahagikan wang pendapatan itu secara yang ekonomik kerana pendapatan mereka dibelanjakan kepada perkara-perkara atau keperluan-keperluan yang dianggap penting dan sesuai dengan pendapatan mereka.

4.3 TABUNGAN

Sebagai wanita yang berada dalam zaman moden seperti sekarang ini responden-responden ini mempunyai kesedaran dan tahu membuat perancangan untuk masa depan, olih itu mereka membuat tabungan kewangan. Tambahan pula sebagai negara yang membangun seperti Malaysia ini menyediakan berbagai-bagai kemudahan, termasuk kemudahan untuk menabung atau menyimpan wang bagi menggalakkan rakyat berjimat-cermat untuk menjamin masa depan mereka sendiri, seterusnya untuk menjamin masa depan negara. Selain daripada itu juga kerajaan menggalakkan penabungan bagi menghadapi kemungkinan-kemungkinan ekonomi seperti sekarang ini berlakunya kemelesetan ekonomi. Jadi kerani-kerani wanita yang merupakan salah satu golongan yang berpendidikan, mereka juga berusaha menyimpan wang dengan berbagai tujuan di dalam berbagai bentuk tabungan.

Jenis-jenis penabungan yang biasa dilakukan olih responden yang ditemui ialah seperti kira-kira di bank, pejabat pos, syarikat kerjasama, Amanah Saham Nasional dan ada yang menyimpan wang di rumah. Dalam berbagai bentuk simpanan ini didapati simpanan di dalam kira-kira bank yang paling banyak sekali dibuat iaitu sebanyak 72 peratus daripada 25 orang responden yang sudah kahwin dan 32 peratus daripada responden yang belum kahwin. Sementara itu dalam syarikat kerjasama terdapat sebanyak 32 peratus dari responden yang menyertai syarikat kerjasama di pejabat masing-masing. Bagi setiap orang responden ini tidak hanya menyimpan di satu tempat sahaja, malah mereka

menyimpan atau menabung wang di beberapa buah tempat tabungan. Jadi tidak kurang juga yang menabung di pejabat pos iaitu sebanyak 24 peratus daripada responden yang sudah kahwin dan juga 24 peratus bagi responden yang belum kahwin. Sebagai menyambut seruan kerajaan, ada pula responden-responden yang telah membeli saham-saham di Amanah Saham Nasional, di mana terdapat sebanyak 28 peratus dari responden yang sudah kahwin dan 24 peratus dari responden yang belum kahwin. Dari sini juga terdapatnya perubahan nilai wanita sekarang yang memandang jauh ke hadapan dan mempunyai kepercayaan terhadap rancangan-rancangan kerajaan.

Terdapat berbagai-bagai tujuan terhadap penabungan yang dilakukan olih responden-responden ini. Terdapat sebanyak 52 peratus daripada responden yang sudah kahwin menabung untuk tujuan masa depan anak-anak. Sementara bagi responden yang belum kahwin pula peratus yang tertinggi sekali (44 peratus) dalam penabungan ialah dengan tujuan untuk kegunaan di masa-masa kecemasan. Lain-lain tujuan yang dinyatakan olih responden ialah untuk memenuhi hasrat mereka untuk memiliki barang mewah untuk rumahtangga mereka. Olih itu penabungan adalah berkait-rapat dengan perbelanjaan dan pendapatan responden, penabungan dan perbelanjaan seseorang bergantung kepada pendapatan. Jadi keseluruhan responden sama ada yang sudah dan belum kahwin tidak dapat menentukan dengan tepat jumlah penabungan dan perbelanjaan mereka setiap bulan.

## 4B. FAKTOR SOSIAL

Sebagaimana faktor ekonomi, faktor sosial juga merupakan suatu faktor yang penting didalam membincangkan berkenaan dengan wanita dan pekerjaan di dalam badan berkanun ini. Diantara perkara-perkara yang dianggap perlu dibincangkan olih pengkaji di dalam bahagian ini ialah mengenai hubungan responden dengan ketua pejabat, kawan sekerja, disiplin masa kerja dan lain-lain lagi yang bersangkut dengan faktor sosial.

### 4.4 HUBUNGAN RESPONDEN DENGAN KETUA PEJABAT

Sebagai sebuah organisasi baik swasta, kerajaan mahupun badan berkanun mempunyai ramai pekerja yang berada dalam berbagai peringkat dan golongan. Untuk menghidupkan atau menggerakkan sesebuah organisasi itu maka perkara yang penting ialah hubungan di antara pekerja tidak kira golongan atau peringkat, kerana setiap individu itu mempunyai tanggungjawab dan peranan tertentu yang telah ditetapkan. Jadi dalam kontek ini pengkaji cuba melihat bagaimana corak hubungan di antara pegawai dan kakitangannya di masa pejabat atau di luar pejabat. Keadaan ini adalah kerana terdapat batasan-batasan tertentu di dalam pejabat itu, jadi hubungan pegawai dengan kakitangan mungkin bertambah renggang atau sebaliknya.

Dari kajian yang dijalankan olih pengkaji, pola perhubungan terutama hubungan dengan ketua pejabat didapati berbagai pendapat dari responden mengenainya. Bagi kebanyakkan responden (60 peratus)

daripada kedua-dua golongan menyatakan hubungan mereka dengan ketua pejabat masing-masing adalah seperti biasa, iaitu sebagai hubungan antara orang atasan dengan orang yang dibawah jagaannya. Responden menemui ketua mereka apabila ada sesuatu masalah yang tidak dapat diselesaikan, lalu dikemukakan kepada ketua pejabat. Pegawai-pegawai tersebut menunjukkan cara yang baik dengan bentuk mengajar anak-buah mereka untuk keperluan badan-badan berkanun tersebut. Di samping itu tidak kurang juga adanya ketua pejabat yang suka memerintah kepada kerani-kerani, yang akhirnya akan menimbulkan rasa kurang senang terhadap ketua mereka. Olih itu hubungan kerani-kerani wanita dengan ketua pejabat dapat dikatakan berlaku ketika ada sesuatu urusan dan masalah yang bersangkutan dengan pejabat sahaja. Olih itu bagi kerani-kerani terutama dari kategori yang belum kahwin menganggap ketua-ketua pejabat mereka terlalu besar bagi mereka dan timbulnya rasa segan dan hormat sehingga menampakkan jurang perbezaan pangkat mereka. Sementara di luar pejabat atau dimasa rehat umpamanya hubungan mereka tetap seperti waktu pejabat, walaupun ketua tersebut ingin mewujudkan hubungan yang lebih rapat tanpa mengira pangkat, tetapi dipihak kerani pula merasa segan dan menimbulkan rasa hormat mereka terhadap ketua. Dari sini dapatlah disimpulkan bahawa hubungan antara ketua pejabat dengan kerani-kerani hanya terdapat dimasa pejabat sahaja iaitu dengan kepentingan pejabat yang mewujudkan hubungan timbal-balik yang saling perlu memerlukan untuk kelicinan perjalanan organisasi.

## 4.5 HUBUNGAN RESPONDEN DENGAN KAWAN SEKERJA

Hubungan antara responden-responden dengan kawan sekerja adalah rapat dan mesra. Biasanya responden berhubungan dengan kawan-kawan yang satu bahagian dan satu kategori pekerjaan dengannya sendiri. Disini maksudnya responden lebih rapat dan sering berhubung dengan kawan-kawan atau pekerja yang sama-sama kerani, 'typist' dan lain-lain ketegori yang sama dengan responden sendiri. Ini berlaku kerana mereka tidak merasa segan dan malu kepada mereka yang sama dengan responden sendiri. Lagipun mereka tidak perlu menghormati kawan-kawan mereka ini seperti menghormati ketua mereka, kawan-kawan dihormati sebagai kawan biasa.

Dalam sebuah organisasi yang besar seperti di Majlis Perbandaran Kota Bharu, KESEDAR dan LUTH, terdapatnya beberapa bahagian, di mana tiap-tiap bahagian mempunyai pekerja sendiri. Olih sebab itu kerani-kerani wanita yang ditemui mengatakan mereka begitu rapat dengan pekerja-pekerja di bahagian mereka sendiri. Mereka sama-sama mencurahkan perasaan dan masalah kepada kawan-kawan sebahagian dengan mereka dan mereka sama-sama mengatasi masalah yang dihadapi olih kawan-kawan mereka, termasuklah masalah kerja dan masalah luar dari kerja, iaitu masalah keluarga dan lain-lain. Biasanya apa yang diceritakan olih responden dari beberapa buah badan berkanun yang dikaji mengatakan hubungan sesama pekerja yang paling rapat sekali amat ketara ialah antara golongan wanita yang sudah kahwin sesama yang sudah kahwin

dan wanita yang belum kahwin lebih rapat dengan wanita yang belum kahwin juga. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan olih suasana mereka adalah sama, jadi mereka saling memahami dan mereka berbual mengenai suasana mereka, misalnya bagi kerani yang sudah kahwin berhubung rapat dengan mereka yang sudah kahwin lantaran senang bagi mereka menceritakan keadaan rumahtangga dan masalah yang dialami olih orang yang berumahtangga dan bertukar-tukar fikiran serta membandingkan masalah masing-masing. Responden-responden ini juga meminta nasihat atau pendapat sesama mereka mengenai bagaimana untuk mengatasi masalah terutama yang berkaitan dengan soal-soal anak atau rumahtangga dan lain-lain. Begitu juga dengan kerani wanita yang belum kahwin lebih rapat dengan mereka yang belum kahwin juga, lantaran senang bagi mereka berbincang mengenai soal peribadi misalnya dan lain-lain yang berkaitan dengan orang bujang.

Walau bagaimanapun mereka (responden-responden) ini berhubung juga antara yang kahwin dengan yang belum kahwin terutama dalam soal kerja, dimana mereka yang baru bekerja sering bertanya kepada pekerja yang lama apabila menghadapi kesulitan dalam pekerjaan. Begitu juga dengan kakitangan di satu bahagian dengan bahagian yang lain saling kenal mengenali walaupun tidak serapat yang sama bahagian. Masa-masa mereka berhubung ialah ketika masa rihat, masa pulang dari kerja iaitu semasa menunggu bas, kereta atau orang-orang yang datang menjemput mereka. Kadang-kadang kerani yang tidak mempunyai kenderaan atau tidak ada yang menjemput, maka mereka menumpang kereta kawan-kawan,

kadang-kadang pegawai-pegawai menumpangkan mereka. Selain daripada itu juga mereka sering berhubung di masa ada sesuatu perjumpaan dan perlawanan sukan, di sini mereka dapat merapatkan lagi hubungan dengan kakitangan dibahagian lain dan dari golongan lain. Hubungan yang lebih rapat lagi dengan cara kunjung mengunjungi rumah kawan dan mengadakan jamuan dan parti lalu menjemput kawan-kawan sepejabat. Salah satu faktor lain yang merapatkan hubungan responden dengan kawan sepejabat ialah tempat asal, bagi mereka yang datang dari satu kampung atau daerah dan juga yang berasal dari satu sekolah dulunya, mempunyai hubungan yang rapat dan sering berhubungan di masa kerja dan diluar pejabat. Olih itu dapatlah kita katakan bahawa hubungan responden dengan kawan sekerja adalah secara resmi dan tidak resmi. Apa yang dimaksudkan dengan hubungan resmi itu ialah hubungan di mana kerja dan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan pekerjaan, sedangkan hubungan tidak resmi itu pula bermakna hubungan yang terjalin selepas pejabat dengan kunjung mengunjungi rumah kawan-kawan dan sering bertemu muka di tempat-tempat seperti semasa perlawanan-perlawanan sukan dan lain-lain.

Selain daripada itu dapatlah juga kita katakan bahawa faktor "status" juga dapat merapatkan hubungan responden dengan kawan sekerja. "Status" di sini dimaksudkan dengan status perkahwinan, di mana sikap masyarakat menganggap orang yang sudah kahwin dianggap sebagai "orang tua" dan orang yang belum kahwin dianggap "orang muda", jadi "orang tua" bergaul dengan "orang tua" dan "orang muda" bergaul dengan

"orang muda". Olih itu kedewasaan seseorang bergantung kepada status perkahwinan, walaupun seorang itu berumur 18 tahun tetapi ia sudah berkahwin maka ia dianggap "orang tua" dan bagi seseorang yang belum kahwin walaupun usianya telah meningkat 28 tahun, ia dianggap "orang muda". Kematangan seseorang ditentukan olih "status"nya, olih itu pergaulan dengan wanita yang berada dalam "status" yang sama adalah lebih rapat daripada pergaulan dengan wanita yang berada dalam "status" lain.

Secara keseluruhannya dalam kontek studi ini, hubungan kawan sekerja lebih tertumpu semasa di pejabat sahaja, walaupun ada sebilangan kecil yang mempunyai hubungan di luar pejabat. Hubungan di antara mereka amat terhad kerana dibatasi olih keadaan tempat kerja dan tugas-tugas yang harus dijalankan olih mereka sendiri. Olih kerana keadaan yang sedemikianlah yang menyebabkan sebilangan besar dari mereka mengatakan mereka tidak mengenali keseluruhan pekerja-pekerja di dalam organisasi tempat mereka bekerja.

4.6. DISIPLIN DI TEMPAT KERJA

Sepertimana dalam organisasi-organisasi atau pejabat-pejabat yang lain juga, badan berkanun ini mempunyai peraturan-peraturan tertentu semasa kerja atau dengan kata lain peraturan-peraturan dalam pejabat.

Dari perbualan yang dibuat dengan responden dan dari tinjauan pengkaji sendiri terdapatnya peraturan-peraturan yang biasa didapati

University of Malaya



Gambar 2: Gambar Menunjukkan Hubungan Kerani Wanita dengan Kawan-kawan Sepejabat

dalam setiap pejabat. Keseluruhan badan-badan berkanun yang dikaji terdapat masa kerja yang sama iaitu mula pada pukul 8,00 pagi dan pulang pada pukul 4.30 petang. Sebagai kerani dan juga pekerja-pekerja atau kakitangan-kakitangan yang lain patut mengikuti masa masuk dan keluar pejabat dengan sempurna, mereka tidak dibenarkan datang lewat dan pulang cepat. Begitu juga dengan masa makan tengahari pada pukul 12.30 tengahari perlu diikuti olih kerani-kerani ini. Olih itu sebagai seorang wanita dan ibu terpaksa mengatur masa

University of Malaya

mereka dengan teliti dan sistematik untuk membahagikan masa di rumah dengan masa pejabat agar kedua-duanya seimbang dan tidak berlakunya pengabaian kepada kedua-dua tugas mereka sebagai ibu dan sebagai kerani.

Selain daripada peraturan masa, perkara yang perlu diikuti olih kakitangan sesebuah badan berkanun terutamanya kerani-kerani wanita ialah dari segi pakaian. Pakaian biasa untuk ke pejabat ialah pakaian yang formal, seperti menutup aurat dan tidak terlampau terdedah. Dari tinjauan pengkaji di dapati hampir keseluruhan responden yang ditemui memakai pakaian yang bersopan dan menutup aurat, hanya terdapat segelintar sahaja yang memakai pakaian seperti 'mini-skirt' dan seumpamanya. Apabila diminta pendapat mengenai pakaian ini, responden-responden mengatakan mereka suka pakai pakaian yang bersopan ke pejabat, jika mereka memakai pakaian yang mendedahkan akan menimbulkan rasa kurang senang terhadap responden itu sendiri, kerana kakitangan-kakitangan yang lain terutama golongan pegawai memandang rendah atau memandang serung kepada mereka. Jadi dengan secara tidak langsung keadaan 'environment' dapat mempengaruhi tingkahlaku dan pakaian responden, dengan sendirinya mereka akan mengikuti keadaan atau pakaian yang selalu dipakai olih kebanyakan kakitangan dalam pejabat tersebut.

Begitu juga dengan peraturan dari segi pergaulan semasa pejabat. Responden-responden yang ditemui disetiap badan berkanun yang dikaji mengatakan mereka tidak bebas bergaul dalam pejabat, terutama dengan

pekerja lelaki. Kelakuan mereka selalu diperhatikan oleh ketua atau pegawai-pegawai mereka. Mereka tidak dibenarkan berbual atau bersembang dengan kawan-kawan semasa bekerja, kerana ini akan mengganggu pekerjaan mereka dan seterusnya urusan pejabat juga terganggu. Mereka mesti mengutamakan kerja mereka terlebih dahulu. Walau bagaimanapun terdapatnya kerani-kerani yang berbual-bual semasa pengkaji datang. Apabila ditanya adakah ini tidak menimbulkan kemarahan dari pegawai-pegawai, mereka mengatakan ini semua dilakukan untuk menghilangkan rasa jemu akibat dari kerja yang banyak, jadi pandai-pandailah mencari masa untuk berbual-bual.

## 4.7. KEMUDAHAN DAN LAYANAN YANG DITERIMA

Berbagai-bagai kemudahan yang diberikan olih badan-badan berkanun untuk kakitangan atau para pentadbir organisasinya. Di antara kemudahan-kemudahan yang disediakan seperti pinjaman wang untuk kecemasan, untuk membeli kereta, rumah, kemudahan kesihatan dan lain-lain. Walau bagaimanapun tidak semua kemudahan ini diterima olih setiap pekerja dalam organisasi tersebut, sebaliknya kemudahan yang diberikan bergantung kepada kategori pekerja tersebut dan lama masa bekerja.

Bagi kerani-kerani yang ditemui mendapat kemudahan perkhidmatan kesihatan, di mana rawatan terhadap diri responden, anak-anak serta keluarganya adalah percuma bagi setengah-setengah badan berkanun seperti KESEDAR, MAJUIKAN dan Perbadanan Pelancungan.

Dari segi kemudahan pengangkutan pula terdapat bagi beberapa buah badan berkanun sahaja seperti PKINK (Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan) yang diberi pada masa-masa tertentu seperti mana responden ada kerja luar, responden ingin berpindah, jadi kenderaan pejabat digunakan untuk mengangkut barang-barang mereka. Disediakan juga tempat sembahyang yang khas untuk kakitangan pejabat.

Kemudahan yang diterima olih responden ialah dari segi kenderaan, perkhidmatan kesihatan dan seumpamanya. Sedangkan untuk peminjaman kewangan, perumahan serta untuk membeli motokar adalah khas untuk pegawai-pegawai, walaupun ada peluang untuk kerani-kerani ini tetapi mereka tidak mampu dan tidak berani membuat pinjaman terutama bagi responden yang belum kahwin, tambahan pula mereka merupakan pekerja yang masih baru. Dari segi kemudahan cuti, sebilangan besar dari responden merasa puashati kerana ada diantaranya yang tidakpun habis cuti yang diuntukkan, kecuali bagi responden yang sudah kahwin ada yang merungut bahawa cuti bersalin sebanyak 42 hari itu tidak mencukupi kerana kesihatan mereka belum pulih lagi. Lagipun cuti bersalin hanya dibenarkan untuk tiga orang anak sahaja, sementara cuti untuk bersalin bagi anak yang seterusnya diambil tanpa gaji, lantaran faktor ini jugalah yang menjadi salah satu alasan mengapa mereka inginkan jumlah anak yang sedikit iaitu antara 3 hingga 6 orang (lihat Jadual 5).

Terdapat juga badan-badan berkanun yang memberi peluang atau menawarkan kursus-kursus untuk responden-responden ini meningkatkan

University of Malaya

lagi kemahiran mereka. Responden-responden telah dihantar kursus dan juga diberi kemudahan kewangan untuk mengikuti berbagai ceramah atau latihan untuk meningkatkan kemahiran mereka yang secara tidak langsung meningkatkan atau melancarkan penyelarasan sesebuah organisasi.

Akhir sekali apabila kita melihat pendapatan, perbelanjaan, simpanan, kemudahan-kemudahan yang diterima maka dapatlah dilihat pula tentang sikap wanita terhadap pekerjaan yang mereka lakukan, terutama kerani-kerani wanita di badan-badan berkanun ini berpuashati atau tidak tentang kerja dan segala apa yang mereka perolehi dari kerja mereka lakukan. Bagi menjelaskan lagi kedudukan ini dapatlah dilihat dari Jadual 21.

Jadual 21: SIKAP RESPONDEN TERHADAP PEKERJAAN SEKARANG

| Sikap terhadap kerja | Resp. sudah kahwin Bil. | % | Resp. belum kahwin Bil. | % |
|---|---|---|---|---|
| Memuaskan | 15 | 60 | 7 | 28 |
| Sederhana | 3 | 12 | 6 | 24 |
| Membosankan | 2 | 8 | 3 | 12 |
| Terpaksa | 2 | 8 | 9 | 36 |
| Tidak tentu | 3 | 12 | 0 | 0 |
| Jumlah | 25 | 100 | 25 | 100 |

Dari Jadual 21 ini didapati responden yang sudah kahwin mempunyai peratus terbanyak (60 peratus) didalam menyatakan pekerjaan mereka sekarang ini memuaskan. Alasan mereka mengatakan kerja ini memuaskan ialah kerana hilangnya rasa jemu tinggal di rumah dan kerja

University of Malaya

mereka tidak membosankan kerana mereka dapat mengatasinya walaupun mempunyai kerja yang banyak. Hanya 8 peratus dari responden yang sudah kahwin mengatakan kerja mereka sekarang ini membosankan, tetapi mereka terpaksa hadapi dan teruskan kerja demi untuk mengatasi masalah kewangan yang dihadapi olih keluarga mereka, begitu juga dengan 12 peratus responden yang belum kahwin merasa bosan dengan kerja mereka tetapi bosan atau jemu tinggal di rumah melebihi daripada jemu atau bosan terhadap kerja, olih itu mereka terpaksa meneruskan kerja mereka disamping berusaha untuk mendapatkan kerja yang lain. Begitu juga dengan 36 peratus responden yang belum kahwin menganggapkan kerja mereka sebagai "terpaksa" ialah kerana mereka masih dan mempunyai keinginan untuk meningkatkan taraf kerja mereka kerana ada di antara responden ini yang memiliki kelulusan yang tidak sesuai dengan pekerjaan mereka, seperti ada yang mempunyai kelulusan Sijil Tinggi Persekolahan bekerja sebagai kerani dan kawan mereka juga sebagai kerani tetapi mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia, jadi disini timbulnya rasa tidak puashati di kalangan mereka, lalu mereka ingin untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih tinggi.

Apabila ditanya pula tentang berapa lama mereka sanggup bekerja sebagai kerani ini, didapati 80 peratus daripada responden yang sudah kahwin menyatakan mereka tidak sanggup untuk bekerja sampai tamat tempuh bekerja mereka tetapi mereka mahu berhenti dari bekerja di pejabat dan mahu tinggal di rumah apabila anak-anak mereka sudah besar dan kedudukan kewangan mereka sudah kukuh. Ada pula yang mengatakan

mereka ingin berhenti kerja kerana kesihatan tidak mengizinkan dan perlu berihat setelah umur meningkat 40an.

Bagi responden yang belum kahwin pula hanya 44 peratus yang mahu bekerja sampai tempuh pekerjaan mereka. Perbezaan kedua-dua kategori ini adalah kerana wanita yang belum kahwin masih kurang berpengalaman daripada wanita yang sudah kahwin dalam soal-soal mengenai panduan peranan wanita ini.

4.8. CARA MENGISI MASA LAPANG

Sebagai wanita yang bekerja di luar rumah, mereka masih lagi mempunyai masa lapang seperti hari minggu, hari kelepasan am, waktu petang dan hari-hari cuti mereka. Untuk memenuhi masa lapang ini responden-responden ini melakukan berbagai-bagai kegiatan sama ada secara formal mahupun informal.

a) Kegiatan Formal

Kegiatan formal ini dimaksudkan dengan sesuatu kegiatan yang dilakukan secara berkumpulan atau pasukan dan persatuan. Kegiatan ini mempunyai institusi atau badan serta keahlian yang tertentu, di samping mempunyai masa yang telah ditetapkan seperti satu-satu kegiatan itu dijalankan sekali seminggu atau sekali sebulan. Daripada kajian yang dijalankan didapati tidak semua dari responden ini menyertai kegiatan formal sama ada di pejabat atau di rumah.

Didapati lebih daripada separuh (60 peratus) daripada responden yang sudah kahwin tidak melibatkan diri dengan mana-mana persatuan,

University of Malaya

alasan mereka tidak melibatkan diri ialah kerana tidak ada masa. Bila dibandingkan dengan responden yang belum kahwin terdapat hanya 36 peratus yang tidak melibatkan diri dalam mana-mana persatuan. Responden yang melibatkan diri dengan persatuan wanita UMNO di tempat mereka hanya 32 peratus bagi wanita yang sudah kahwin dan seorang saja wanita yang belum kahwin, ini pun disebabkan persatuan ini diadakan sekali atau dua kali sebulan sahaja. Begitu juga dengan bidang sukan,

Jadual 22: KEGIATAN SOSIAL YANG DISERTAI OLIH RESPONDEN

| Jenis Kegiatan | Resp. sudah kahwin Bil. | % | Resp.belum kahwin Bil. | % |
|---|---|---|---|---|
| Persatuan Belia | 0 | 0 | 10 | 40 |
| Wanita UMNO | 8 | 32 | 1 | 4 |
| Pasukan Bolajaring (di pejabat) | 2 | 8 | 5 | 20 |
| Tidak melibatkan diri | 15 | 60 | 9 | 36 |
| Jumlah | 25 | 100 | 25 | 100 |

pasukan bola jaring di pejabat masing-masing ramai dianggotai olih wanita yang belum kahwin. Begitu juga dengan persatuan belia didapati 40 peratus dari wanita belum kahwin menjadi ahli persatuan belia di kampung mereka. Dari semua responden ini hanya dua orang sahaja yang menjadi ahli jawatankuasa didalam persatuan, iaitu seorang wanita belum kahwin menjadi ahli jawatankuasa dalam persatuan belia dan seorang wanita sudah kahwin menjadi ahli jawatankuasa dalam persatuan wanita UMNO, serta seorang dari wanita belum kahwin menjadi ketua

pasukan bola jaring di pejabatnya, selain daripada itu semuanya sebagai ahli biasa dalam persatuan-persatuan tersebut.

b) Kegiatan Informal

Kegiatan informal pula ialah kegiatan yang dilakukan tanpa kumpulan dan persatuan atau berpasukan. Kegiatan informal bagi wanita-wanita yang ditemui ini adalah merupakan kegiatan harian mereka dalam rumahtangga dan antara jiran. Sebarang kegiatan informal ini tidak mempunyai institusi dan jadual masa yang nyata, ianya dilakukan secara spontan. Bagi wanita yang sudah kahwin, masa lapang mereka dihabiskan bersama keluarga seperti berkelah dan bersiar-siar dengan membawa anak-anak. Selain daripada itu mereka menghabiskan masa lapang di rumah dengan mengasuh anak-anak, mengait, menjahit dan memasak. Diwaktu malam pula mereka menghabiskan masa lapang dengan menonton Tv, membaca dan lain-lain. Semua pekerjaan ini berkaitrapat dengan peranan sebagai seorang ibu dan isteri dalam sesebuah rumahtangga.

Sementara bagi responden yang belum kahwin pula menghabiskan masa lapang mereka dengan berkunjung ke rumah kawan-kawan, mereka berkumpul dan berbual-bual. Ada juga yang suka mengait dan menjahit, semua ini dilakukan sebagai hobi semata-mata iaitu tidak menghasilkan pendapatan dari hasil kerjanya ini. Olih itu dapatlah dikatakan kegiatan informal untuk mengisi masa lapang ini lebih bercorak untuk mendapatkan kepuasan diri sendiri.

University of Malaya

4.9 MASALAH PEMBANTU RUMAH

Salah satu masalah yang jelas dapat dilihat di kalangan wanita yang bekerja ialah masalah untuk mendapatkan pembantu rumah. Hasil daripada pembangunan juga telah membuka mata penduduk terutama wanita untuk mendapatkan pekerjaan dan pendapatan sendiri serta inginkan kebebasan, olih itu pertambahan didalam bidang pelajaran juga berlaku, jadi anak-anak gadis dan budak-budak perempuan ramai yang bersekolah, olih itu mereka tidak suka menjadi pembantu rumah. Keadaan ini akan menimbulkan masalah kepada wanita atau ibu yang bekerja di luar rumah. Untuk mengatasi masalah ini responden-responden meninggalkan anak mereka untuk dijaga olih jiran dan juga orang tua mereka (sama ada ibu atau ibu mertua). Keadaan ini dapat dilihat dari Jadual 23 di bawah.

Jadual 23: PEMBANTU KERJA-KERJA RUMAH BAGI RESPONDEN YANG SUDAH KAHWIN

| Perkara | Bil. | % |
|---|---|---|
| Ada orang gaji | 8 | 32 |
| Tidak ada | 15 | 60 |
| Baby seater | 2 | 8 |
| Jumlah | 25 | 100 |

60 peratus daripada responden yang sudah berumahtangga ini tidak mempunyai orang gaji. Olih itu kerja-kerja rumah, mereka lakukan sendiri, sementara anak-anak pula ditinggalkan kepada jiran

dan hantar ke rumah itu mereka. Jadi, hanya 32 peratus responden yang mempunyai orang gaji. Faktor ini dapat menunjukkan bahawa kesukaran untuk mendapatkan orang gaji, lagipun bagi beberapa orang responden menyatakan tidak mampu untuk memelihara orang gaji kerana orang gaji sekarang pandai meminta bayaran yang tinggi sedangkan kerja mereka hanya menjaga anak-anak sahaja. Disini timbul pula masalah bagi pengkaji untuk menyatakan dengan tepat mengenai bayaran gaji, ~~olih~~ responden-responden tidak menyatakan dengan jelas dan tepat tentang bayaran itu. Kadangkala ada responden yang selalu bertukar orang gaji, jadi gaji bagi tiap-tiap orang gaji mereka itu berlainan. Hanya 3 orang daripada 8 orang responden ini menyatakan gaji untuk orang gajinya ialah $100.00 sebulan disamping makan minumnya ditanggung olih responden. Seorang dari responden yang mempunyai orang gaji ini memberi bayaran sebanyak $70.00 sebulan untuk orang gajinya. Olih itu didapati sedikit atau banyaknya bayaran gaji untuk orang gaji itu bergantung kepada pendapatan keluarga responden itu dan juga jumlah anak yang perlu dijaga olih orang gaji tersebut.

## 4.10 IMPLIKASI DARI PENGLIBATAN WANITA DALAM BIDANG PEKERJAAN

Sebelum ini kita sudah mengetahui tentang latar belakang responden, sebab-sebab wanita bekerja dan lain-lain. Seterusnya pula kita akan melihat implikasi daripada penduaan peranan wanita itu terhadap keluarga, masyarakat, anak-anak dan diri wanita itu sendiri. Implikasi ini dapat dibahagikan kepada dua aspek iaitu aspek ekonomi dan aspek sosial.

University of Malaya

a) Aspek Ekonomi

Aspek ekonomi ini merupakan faktor yang penting akibat daripada penglibatan wanita dalam dual-peranan. Seperti mana yang dijelaskan di bahagian sebab-sebab wanita bekerja tadi, responden dapat menambahkan kedudukan ekonomi keluarga dan dapat menyara adik beradik bersekolah. Peningkatan dalam ekonomi rumahtangga ini menunjukkan terdapatnya kesedaran ekonomi di kalangan masyarakat. Apabila ekonomi keluarga meningkat dengan sendirinya dapat menaikkan ekonomi masyarakat selurunnya, seterusnya menaikkan taraf masyarakat dari kacamata orang asing atau negara asing. Jadi berpatutan sangatlah kerajaan menyeru wanita-wanita Malaysia supaya menceburkan diri ke dalam lapangan yang lebih mencabar untuk menaikkan imej negara. Implikasinya dapat kita lihat bahawa bukan kecil peranan seseorang wanita dalam pekerjaan, malah tugas mereka adalah mempunyai nilai yang setanding dengan tanggungjawab dan peranan kaum lelaki dalam membangunkan negara dan memajukan masyarakat.

Selain daripada itu dari aspek ekonomi ini juga dengan penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan dapat menambahkan lagi gunatenaga didalam berbagai bidang ekonomi. Bersesuaianlah dengan keadaan negara yang sedang membangun ini sangat-sangat memerlukan gunatenaga yang banyak, olih itu wanita yang bekerja di luar rumah ini merupakan tenaga yang dapat menambahkan gunatenaga yang diperlukan untuk membangunkan ekonomi negara.

b) Aspek Sosial

i) Implikasi keatas saiz keluarga

Setelah dikaji saiz keluarga responden yang ditemui ini, kita dapati satu "trend" didalam saiz keluarga bagi ibu-ibu yang bekerja. Di mana terdapat ciri-ciri yang sama didalam keluarga-keluarga yang mempunyai suami dan isteri yang bekerja "makan gaji" di dalam masyarakat yang sudah "industrialized" ini.

Perubahan corak masyarakat daripada corak tradisional kepada corak masyarakat "industrialized" mengubah corak ekonomi, politik dan sosial masyarakat itu sendiri, keadaan ini mengubah pula nilai dan sikap masyarakat. Perubahan-perubahan ini membuka peluang kepada wanita-wanita untuk keluar daripada kongkongan rumahtangga untuk menerima pelajaran serta berjuang untuk mencapai "prestige" yang lebih tinggi.

Hasil daripada kajian ini terdapat satu "trend" wanita yang bekerja di luar rumah untuk memiliki saiz keluarga yang kecil, kebanyakan lebih kepada bentuk nuclear. Keadaan ini jelas sekali dilihat atau dibandingkan Jadual 2 dengan Jadual 6. Dari Jadual 6 kita dapati responden mempunyai jumlah adik beradik yang ramai, ini menunjukkan suatu norma masyarakat yang mempunyai keluarga yang berbentuk "extended". Sebaliknya bila dirujuk kepada Jadual 2 iaitu mengenai jumlah anak, serta Jadual 5 iaitu jumlah anak yang ideal, dari kedua-dua jadual ini dapat menunjukkan responden ingin memiliki keluarga kecil, walaupun mereka ada "tendency" untuk memiliki keluarga

yang besar tetapi segalanya ini dapat diatasi atau dikawal dengan cara moden iaitu hasil daripada penyelidikan sains dan penggunaan teknologi moden. Keadaan ini mungkin kerana untuk mengatasi masalah pengurusan anak. Jikalau responden mempunyai anak yang ramai, mereka takut tidak dapat menumpukan sepenuhnya kepada anak yang mungkin membawa keburukan di dalam perkembangan sosialisasi anak-anak. Sekiranya mereka mempunyai anak yang sedikit, responden mengatakan mereka dapat memberi perhatian dan kasih sayang yang cukup, walaupun anak-anak ditinggalkan kepada orang tua (ibu), jiran atau pembantu rumah, semasa mereka keluar dari rumah, tetapi selepas pulang dari kerja, responden-responden tadi dapat melayani anak-anak mereka. Jadi perkembangan sosialisasi anak-anak mereka tidak diabaikan, malah sebagai ibu-ibu yang berpendidikan mereka mengambil berat terhadap anak-anak serta pendidikan yang mereka berikan mungkin mempunyai qualiti yang lebih tinggi daripada ibu-ibu yang sentiasa di rumah yang belum tentu dapat memberi kasih sayang dan pendidikan yang sepenuhnya terhadap anak-anak.

Begitu juga dengan soal kedudukan wanita yang bekerja lebih tinggi dan mereka mempunyai kebebasan di dalam aspek ekonomi iaitu untuk berbelanja dan juga mereka tidak terlalu terkongkong dengan keadaan masyarakat sekeliling.

(ii) Implikasi keatas hubungan suamisteri

Di dalam aspek ini ditumpukan kepada responden yang sudah berkahwin, yang mana responden-responden ini tinggal berasingan dengan keluarga besar. Sedangkan bagi responden yang belum kahwin kesemuanya

masih tinggal bersama-sama dengan keluarga mereka.

Perhubungan suamisteri yang bekerja didapati sama dengan pasangan dimana hanya suami yang bekerja sedangkan isteri tinggal di rumah, kalau dikira dari lama masa mereka bertemu. Bagi suamisteri yang bekerja di pejabat, masa kerja mereka ialah antara pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang. Dalam masa kerja ini suamisteri ini tidak ada hubungan kerana masing-masing mempunyai tempat kerja yang berasingan. Begitu juga dengan pasangan di mana hanya suami sahaja yang bekerja dan isteri tidak bekerja, jarak garis perhubungan mereka adalah sama. Jadi bagi responden-responden yang bekerja ini masih mempunyai masa yang panjang untuk bersama suami, dalam masa inilah mereka berhubung, melayan dan bermesra dengan suami serta mengemukakan dan menyelesaikan masalah-masalah dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi olih mereka sama ada di pejabat atau di rumah. Olih itu tidak ada menunjukkan ciri-ciri kerenggangan antara hubungan suamisteri akibat daripada perduaan peranan wanita. Ini jelas daripada percakapan mereka tidak ada bukti yang bolih menunjukkan kerenggangan hubungan antara responden dengan suami mereka seperti mana yang didakwa olih setengah golongan masyarakat, kerana didapati responden-responden ini masih menghormati suami sebagai ketua rumahtangga, serta responden-responden yang ditemui ini masih merupakan suri rumahtangga sepenuhnya setelah mereka pulang dari pejabat. Dimana suri rumahtangga itu dikatakan sebagai;

"1 - "practitioner" dalam hal pendidikan.

2 - pakar zat makanan

3 - pakar ekonomi rumahtangga

4 - seorang para medic

5 - pegawai hubungan antara manusia dan antara agensi

6 - pendamai

7 - sebagai contoh bagi tingkahlaku, nilai-nilai hidup, sikap, prasangka dan sebagainya.

8 - ahli saikologi."

- dipetik dari laporan dalam "Pameran Wanita Malaysia" - Oktober 1982 di Mezium Negara, Kuala Lumpur

Dari penjelasan tadi dapatlah dikatakan bahawa kedua-dua suamisteri bekerja, dari segi kewangan, keputusan dan urusan rumahtangga dikongsi bersama. Di samping itu taraf kehidupan yang lebih tinggi, juga dari segi perbelanjaan, keadaan rumah dan lain-lain.

iii) Implikasi keatas hubungan responden dengan keluarga asal

Pekerjaan bagi wanita menambahkan tugasnya, lalu masa lapang berkurangan. Implikasi daripada keadaan ini mempengaruhi hubungan mereka dengan keluarga asal. Perhubungan yang mereka lakukan dengan keluarga di kampung ialah dengan cara menulis surat, telefon dan ziarah menziarahi keluarga dan kaum kerabat di kampung.

Olih itu perhubungan responden dengan keluarga asal dan saudara-mara agak berkurangan, lebih-lebih lagi bagi mereka yang

University of Malaya

tinggal jauh dari kampung asal. Responden-responden ini balik ke kampung sebanyak sekali sebulan dan kadang-kadang sekali setahun. Ada juga responden yang pulang ke kampung di waktu-waktu tertentu seperti di hariraya, kenduri, kematian dan sebagainya. Alasan mereka tidak pulang ke kampung ialah kerana tidak mempunyai masa, akibat daripada bekerja. Jadi kita dapati fungsi anggota dalam keluarga bercorak "extended" sudah merosot, kepentingan dalam keluarga asas adalah melebihi daripada kepentingan dalam keluarga orientasi mereka. Kadangkala ibu bapa yang datang menziarahi keluarga anaknya lantaran ingin melihat cucu dan rindukan kepada anak menantu. Walaupun responden kurang berhubung dengan keluarga asal, tidak semestinya mendatangkan akibat yang negatif sahaja, tetapi ada pula pihak yang menganggapnya lebih baik, dengan alasan, bila jarang-jarang pulang ke kampung akan menimbulkan rasa kemesraan dengan keluarga di masa mereka pulang.

Jika keadaan ini dipertahankan maka perhubungan dengan keluarga asal tidaklah dapat dikatakan sangat merosot, tetapi renggang buat sementara waktu sahaja. Apabila mereka pulang maka hubungan erat kembali atau dengan kata lain, perhubungan dengan keluarga asal menunjukkan kerenggangan pergaulan hanya setakat "immediate relatives".

iv) <u>Implikasi keatas hubungan responden dengan masyarakat</u>

Akibat daripada bekerja di luar rumah, responden bolih meluaskan pergaulan mereka dengan masyarakat. Apabila mereka mempunyai tempat kerja yang berasingan dengan suami, maka mereka juga mempunyai kawan sepejabat yang berlainan. Jadi hubungan kawan sepejabat adalah

rapat dan bertambah ramai apabila kawan sepejabat suami juga berhubung baik.

Begitu juga dengan hubungan responden dengan jiran masing-masing, didapati rapat juga, apabila kita melihat ada responden-responden yang meninggalkan anak mereka di rumah jiran untuk dijaga kerana tidak mempunyai pembantu rumah. Walau bagaimanapun seperti juga dengan wanita yang tidak bekerja, responden yang bekerja ini rapat dengan jiran-jiran yang berdekatan sahaja, tetapi dengan masyarakat sekeliling dalam aspek yang lebih luas lagi hubungan mereka agak berkurangan kerana adanya sifat individualistik di kalangan masyarakat kawasan bandar terutamanya. Keadaan ini wujud kerana dengan bekerja itu responden tidak ada masa untuk bergaul dengan masyarakat yang lebih luas, kecuali bagi mereka yang melibatkan diri dalam persatuan-persatuan di tempat mereka.

Akhir sekali kita dapat lihat bahawa seseorang responden yang dapat menjalankan kedua-dua peranan mereka sebagai kerani dan surirumah, maka mereka berjaya mencapai tujuan dan berjaya:

"1 - Menghasilkan masyarakat yang sedar akan konsep persamaan hak dalam aspek undang-undang dan ekonomi negara.

2 - Meninggikan mutu dan keadaan hidup manusia.

3 - Menyumbangkan terhadap budaya hidup negara.

4 - Mewujudkan suasana berharmoni terhadap keamanan negara."

Seperti yang dinyatakan dalam "pameran Wanita Malaysia" di Muzium Negara, Kuala Lumpur pada bulan Oktober 1982.

# BAB V

# KESIMPULAN

Penglibatan wanita dalam pekerjaan luar rumah merupakan Penduaan peranan mereka seperti yang telah diperkatakan, telah memberi wanita-wanita ini dua bebanan tugas dan tanggungjawab yang berat, iaitu: tanggungjawab sebagai ibu-isteri dan juga sebagai pekerja di luar rumah. Olih itu, peranannya di rumah tidak dapat dilakukan sepenuhnya dan secara tidak langsung ia memerlukan 'functionaries' yang lain untuk mengambilalih sebahagian dari tugasnya di rumah. Dalam bab akhir ini pengkaji ingin melihat sejauhmana saranan-saranan yang dibuat olih sarjana-sarjana terhadap peranan wanita itu dapat diapplikasikan dengan peranan wanita dalam kontek kaum wanita yang dikaji di badan-badan berkanun ini. Penglibatan wanita secara langsung dalam bidang pekerjaan ini dapatlah dirumuskan melalui beberapa aspek, seperti dari aspek ekonomi, sosial dan kekeluargaan.

Dari segi ekonomi, kita telah dapati sememangnya pendapatan wanita dapat membaiki kedudukan ekonomi keluarga. Ini bererti bukan sahaja pendapatan keluarga itu cukup untuk membeli makanan dan biayai pelajaran anak-anak, tetapi juga bolih membeli barang-barang mewah seperti rumah batu, kereta, alat-alat perabut, barang kemas dan sebagainya. Cuba kita bandingkan antara satu keluarga yang terdiri dari suami dan isteri yang bekerja dengan satu keluarga yang mempunyai suami sahaja yang bekerja, sudah tentu pendapatan mereka juga berbeza.

University of Malaya

Keadaan ini dapat dilihat dari Jadual 18 yang menunjukkan pendapatan yang diperolihi olih suami, isteri dan kedua-duanya sekali. Dari jadual ini jelas didapati jumlah pendapatan yang dicampur antara kedua-dua pendapatan suami dan isteri itu adalah tinggi, di mana purata tiap satu keluarga itu ialah sebanyak $1531.84.00 sebulan. Sementara jikalau hanya suami sahaja yang bekerja, jumlah purata yang diperolihi olih setiap keluarga itu ialah sebanyak $10698.00 sebulan. Olih itu jelaslah pertambahan pendapatan isteri dengan purata sebanyak $466.84.00 setiap seorang dalam sebulan dapat membantu menambahkan pendapatan ekonomi keluarga. Begitu juga dengan responden yang masih bujang dapat pula menambahkan pendapatan keluarga mereka dan meringankan bebanan orang tua masing-masing. Dari penjalasan ini nyatalah kepada kita bahawa sumbangan wanita dari segi belanjawan rumahtangga amat penting dalam keadaan dimana kos sarahidup yang tinggi dan kehendak terhadap benda-benda kemewahan tidak ada batasannya.

Kemudian kita lihat pula dari segi tabungan, daripada apa yang ditemui, didapati wanita yang sudah kahwin lebih ramai yang membuat tabungan daripada wanita yang belum kahwin. Keadaan ini terjadi kerana wanita yang sudah kahwin mempunyai kesedaran untuk masa depan mereka dan anak-anak mereka kerana mereka sudah mengalami alam rumahtangga dan mengenal kerumitan dan masalah orang yang berumahtangga, dengan ini mereka lebih berjimat dengan cara mengurangkan perbelanjaan atau merancangkan dengan teratur perkara-perkara yang perlu dibelanjakan dan lebihannya mereka akan menyimpan di bank-bank. Situasi begini

University of Malaya

berlainan dengan wanita bujang yang masih belum mempunyai tanggung-jawab yang berat terhadap keluarga dan mereka tidak merasai alam berumahtangga, jadi pendapatan mereka dibelanjakan dengan mudah tanpa memikirkan soal-soal rumahtangga. Selain daripada itu faktor yang membawa kepada wanita yang sudah berkahwin lebih berjimat dari wanita bujang adalah kerana "security". Wanita sudah kahwin ini menabung untuk menjaga keselamatan mereka sekiranya ada terdapat kemungkinan-kemungkinan yang tidak diingini berlaku. Bagi wanita bujang pula, mereka kurang membuat tabungan kerana pendapatan mereka digunakan pada masa itu juga, mereka masih tidak mementingkan masa depan, olih itu wanita yang sudah kahwin lebih berjimat dalam soal penggunaan wang. Satu lagi faktor yang dapat kita katakan kenapa wanita yang sudah kahwin ini lebih ramai membuat tabungan ialah kerana mereka sudah mempunyai pendapatan yang tinggi bagi keluarga mereka, iaitu suami mereka juga mempunyai pendapatan, olih itu mereka mempunyai banyak lebihan kerana tanggungan mereka masih tidak banyak, lalu mereka membuat keputusan untuk menabung. Sementara wanita yang belum kahwin mempunyai punca pendapatan yang sedikit, iaitu hanya punca pendapatan dari dirinya sendiri, sedangkan perbelanjaan banyak yang diperlukan, olih itu mereka tidak banyak lebihan, seterusnya tidak dapat menabung.

Apabila dilihat dari faktor sosial pula kita dapati daripada kajian yang dibuat ini, perubahan di dalam sikap wanita telah berlaku, seperti dalam aspek perkahwinan, wanita dahulu dikatakan memandang wanita yang berkahwin dimasa usia yang muda adalah lebih baik daripada

wanita yang kahwin lewat. Daripada kajian ini didapati semua responden, kecuali seorang, yang berkahwin selepas umur 20 tahun. Keadaan ini menjadi satu perkara biasa di kalangan masyarakat kini, di mana anak-anak perempuan ramai yang bersekolah dan kemudiannya mereka mendapat kerja, olih itu dalam masa ini persoalan perkahwinan tidak timbul. Olih itu satu ciri moden telah wujud dengan mengubah ciri tradisional dalam masyarakat Melayu, di mana dahulunya dalam masyarakat Melayu, wanita kahwin lebih awal tetapi kini sudah berubah,dengan ini dapatlah dikatakan terdapatnya perubahan dalam sikap dan peranan wanita seperti yang disarankan olih berbagai golongan masyarakat.

Dari faktor-faktor yang menyebabkan wanita bekerja di luar rumah dapatlah dirumuskan kepada aspek-aspek ekonomi, sosial dan ekonomi serta sosial. Dari penemuan yang dikaji ini terdapat 40 peratus dari wanita yang sudah kahwin dan 24 peratus dari wanita belum kahwin (rujuk Jadual 15) menyatakan sebab ekonomi yang mendorong mereka bekerja. Olih itu sebanyak 64 peratus daripada 50 orang responden ini memberi alasan ekonomi. Sementara faktor sosial yang menyebabkan mereka bekerja ialah sebanyak 20 peratus dari wanita yang sudah kahwin dan 8 peratus dari wanita belum kahwin yang memberi alasan ini. Jadi dapat kita katakan sebanyak 28 peratus dari 50 orang responden ini yang memberi alasan sosial yang membawa mereka bekerja di luar rumah. Bagi aspek ekonomi dan sosial pula didapati sebanyak 40 peratus dari wanita sudah kahwin dan hanya 11 peratus dari wanita belum kahwin, secara keseluruhannya hanya 51 peratus dari kedua-dua golongan wanita ini mem-

beri alasan ekonomi dan sosial yang menyebabkan mereka bekerja. Jadi, dari sini dapatlah dirumuskan bahawa faktor ekonomilah yang sangat mempengaruhi seseorang wanita itu meninggalkan rumah untuk bekerja "makan gaji".

Dari aspek kekeluargaan pula kita dapati ramai pengkaji-pengkaji dan juga masyarakat yang mendakwa bahawa dalam masyarakat yang mempunyai suami dan isteri yang bekerja mempunyai 'trend' untuk memiliki saiz keluarga yang kecil. Setakat yang dikaji olih pengkaji ini didapati memang benar corak keluarga telah berubah, di mana wanita-wanita ini memecah tradisi keluarga "extended" kepada keluarga "nuclear", yang mana bentuk keluarga yang "nuclear" merupakan satu-satunya ciri keluarga moden dalam suasana yang serba moden ini.

Walau bagaimanapun kajian ini tidak dapat membuktikan teori dan saranan yang diberikan olih sarjana-sarjana Barat terutamanya mengenai hubungan yang renggang antara keluarga "nuclear" dengan keluarga "oriented" seperti yang dijelaskan dalam Bab II. Kenyataan ini tidak dapat disokong kerana daripada apa yang ditemui dalam kajian ini perhubungan responden-responden yang sudah kahwin tidaklah renggang dan tidak ada perubahan dalam pergaulan antara mereka. Hubungan mereka tetap seperti biasa, di mana anak tetap menghormati ibu bapa mereka dan mereka sentiasa menziarahi keluarga "oriented" mereka di masa-masa lapang, dengan keadaan ini dapat mengeratkan hubungan mereka. Begitu juga dengan hubungan antara isteri dengan suami, walaupun kedua-duanya bekerja, namun hubungan mereka tetap erat dan saling hormat -

menghormati antara satu sama lain. Dari keterangan ini tidaklah dapat menyokong saranan para sarjana Barat dan juga dakwaan masyarakat mengenai hubungan dengan keluarga dan suami ini. Keadaan ini mungkin juga bolih dijelaskan di mana teori-teori atau penemuan-penemuan serta konsep-konsep yang dikemukakan olih pengkaji Barat tidak dapat diapplikasikan ke dalam masyarakat Melayu di Malaysia ini lantaran terdapat banyak perbezaan dari segi gaya hidup dan keadaan kekeluargaan. Mungkin di Barat, hubungan anak dengan ibu tidak rapat dan kadang-kadang tidak pernah berhubung setelah mereka mendirikan rumahtangga kerana sikap dan gaya hidup serta ajaran mereka memang begitu, lagipun pergaulan mereka bebas yang membawa kepada keruntuhan moral dan rendah akhlak, keadaan ini masih belum berleluasa lagi di Malaysia dan nilai-nilai tradisional masih lagi terselit di hati seseorang. Olih itu keadaan ini tidaklah dapat disamakan antara perhubungan ibu - anak di Malaysia dengan di Barat. Kemungkinan keadaan seperti di Barat itu terjadi di Malaysia dalam jangkamasa yang panjang lagi sekiranya tidak ada pengawalan terhadap kemasukan 'kebudayaan kuning' ini, tetapi setakat yang dikaji ini keadaan seperti ini masih tidak banyak berubah. Perubahan hanya dikatakan perhubungan renggang buat sementara waktu sahaja, kemudian hubungan rapat semula apabila mereka kunjung mengunjungi antara keluarga "nuclear" dengan keluarga "orientasi".

Selain daripada itu kajian ini dapat menjawab beberapa persoalan lagi yang timbul seperti bagaimanakah rumahtangga diuruskan ketika

isteri bekerja. Adakah saudara mara datang menolong mereka atau adakah digaji orang lain untuk menguruskan kerja-kerja itu. Seterusnya bagaimana pula pemutusan persoalan-persoalan rumahtangga diambil di kalangan keluarga-keluarga ini dimana isteri-isteri boleh dikatakan luas pandangan. Dari kajian ini didapati urusan rumahtangga terutama bagi responden yang sudah kahwin itu dapat dilihat dalam Bab IV dahulu, dapatlah dirumuskan bahawa urusan rumahtangga itu ada yang diuruskan olih pembantu rumah, ada pula yang menguruskan sendiri setelah mereka pulang dari bekerja, sedangkan anak dihantar ke rumah jiran atau rumah ibu untuk dijaga. Semua responden ini mahukan pembantu rumah untuk menguruskan rumahtangga mereka, tetapi lantaran kesusahan untuk mendapatkan pembantu rumah maka terpaksa mereka lakukan sendiri. Seterusnya dari segi pemutusan untuk mendapatkan sesuatu keputusan dalam rancangan-rancangan di dalam rumahtangga, didapati sebagai keluarga yang berpelajaran maka mereka lebih merupakan orang-orang yang bijak membuat keputusan dan merancangkan dahulu sebelum melakukan sesuatu tindakan mengenai rumahtangga seperti mengenai tabungan, perbelanjaan dan lain-lain. Nampaknya mereka sama-sama membuat rancangan, lagipun sebagai wanita yang berpelajaran, mereka lebih dihormati olih suami mereka dalam membuat keputusan dalam berbagai hal dan suami mempunyai lebih kepercayaan kepada isteri serta mereka saling memahami. Kenyataan ini dinyatakan berdasarkan kepada jawapan-jawapan dari responden-responden yang ditemui.

Dari segi pergaulan pula dapat dirumuskan bahawa wanita-wanita

yang bekerja di luar rumah itu lebih luas bergaul dan mempunyai teman-teman yang ramai serta luas pandangan dan pengetahuan mereka.

Penglibatan wanita dalam pekerjaan ini telah menimbulkan beberapa kesan. Bagi pandangan pengkaji daripada apa yang didapati dari data-data ini penglibatan wanita ini menimbulkan kesan-kesan baik seperti yang dijelaskan tadi iaitu dapat menambahkan pengetahuan, meningkatkan 'prestige' dan membawa kaum wanita ke arah yang lebih tinggi dan status wanita telah di pandang tinggi tidak seperti dahulu iaitu dimasa sebelum merdeka dan sebelum masuk pengaruh luar. Keadaan ini dapat membuktikan atau menjawab dakwaan-dakwaan dari setengah masyarakat yang mengatakan ekoran daripada penyertaan wanita dalam bidang pekerjaan ini mempunyai banyak kesan buruk sehingga patut dikaji semula. Dari kajian ini didapati kesan buruk tidaklah terlalu banyak, hanya terdapat kesan sampingan seperti hubungan dengan masyarakat agak renggang dan masa di rumah adalah pendek yang bererti menjejaskan sosialisasi anak-anak, tetapi dari kajian ini didapati responden masih dapat mengawal keadaan ini seperti yang dijelaskan dalam bahagian implikasi, olih itu kesan sampingan ini tidak dapat mempengaruhi atau melebihi daripada kesan baik yang begitu jelas sekali dari penduaan peranan wanita ini.

Akhir sekali dapatlah dirumuskan dengan secara yang lebih luas lagi iaitu terdapatnya dua bentuk peranan yang dimainkan olih wanita-wanita dalam komuniti yang dikaji ini. Dua bentuk peranan yang dimaksudkan itu ialah:

1. Peranan yang didasarkan kepada aspek biologikal di mana peranan ini dilihat dari pandangan masyarakat. Wanita itu sebagai ibu dan suri rumah iaitu peranannya yang dimainkan disekitar rumahtangga sahaja.

2. Peranan yang berdasarkan aspek environmental. Peranan ini dapat dilihat dengan adanya kaum wanita bekerja di luar rumahtangga mereka. Mereka ini memperlihatkan bahawa peranan wanita tidak semestinya berdasarkan sifat biologikalnya semata-mata tetapi bolih dan dapat diubahsuaikan berdasarkan aspek environmentalnya, yang mana dalam konteks ini lebih merupakan kedudukan ekonomi mereka.

Pada umumnya berlaku berbagai-bagai perubahan akibat daripada penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan ini seperti perubahan sikap kaum wanita, tetapi segala perubahan dan pembaharuan-pembaharuan ini tidak pula mengakibatkan berlakunya perubahan-perubahan lain yang dapat mengurangkan tanggungjawab kaum wanita terhadap rumahtangga. Apabila kita lihat di dalam masyarakat tradisional, wanita mempunyai tanggungjawab yang sepenuh terhadap urusan rumahtangga, maka begitu juga dengan wanita yang bekerja, tetapi dalam situasi yang berlainan. Olih itu berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan dan penjelasan-penjelasan yang telah dihuraikan di atas ini didapati saranan-saranan yang dibuat olih beberapa orang sarjana-sarjana Barat seperti Dahlstrom, Iglehart, Banton dan lain-lain itu, yang mana bagi mereka tugas dan tanggungjawab wanita terhad kepada urusan rumahtangga sahaja, tidak dapat digunakan lagi untuk masa sekarang dan tidak sesuai dengan wanita

di Malaysia. Begitu juga dengan pendapat-pendapat yang dikemukakan olih ahli-ahli sosiologi yang lain, yang lebih menekankan kepada kesan buruk akibat daripada penduaan peranan wanita ini tidak dapat di sokong olih penemuan-penemuan yang didapati olih pengkaji dari 50 orang kerani wanita ini.

Secara keseluruhannya kajian ilmiah ini telah mencapai tujuan asalnya untuk melihat sikap dan peranan wanita sekarang, iaitu wanita yang menduakan peranannya serta tujuan untuk menjelaskan beberapa persoalan dan kekeliruan yang timbul di kalangan masyarakat yang mungkin mempengaruhi mereka dan melemahkan semangat wanita untuk bekerja, sekiranya wanita-wanita hari ini terpengaruh dengan sikap yang negatif. Akhir sekali dapat juga dilihat bahawa wanita-wanita yang dikaji ini dapat menjalankan penduaan peranan mereka dengan baik tanpa menjejaskan mana-mana pihak, walaupun mereka memerlukan sedikit bantuan dari orang lain tetapi tidak menjejaskan kesan baik dari penduaan peranan ini.

Semoga Allah yang memberi taufiq, dan kepadaNyalah aku berharap bantuan pertolongan. Amin.

## BIBLIOGRAFI

1. Allport, G.W., "ATITUDE", dalam C. Murclisson (ed.) Hand book of Social Psychology, Worcester Llark University Press, 1937

2. Al-Quran: Surah 4, ayat 32.

3. Banton Michael, Roles and Introduction to the Study of Social Relation, Taristock Publications, London, 1965.

4. Boulding, Elise, Women in the Twentieth Century World, Sage Publications, 1977.

5. Bochkeryora, Y and Lyubimora, Women of a New World, Progress Publishers, Moscow, 1969.

6. Bryant, Cliffon, The Social Dimensions of Work, Printice-Hall, Inc., New Jersey, 1972.

7. Cohan, Peroy S., Modern Social Theory, Heivemenn Educational Books, London, 1968.

8. Darling, Martha, Roles of Women in the Economy Organisation for Economic Co-operation and Development, Paris, 1975.

9. Dahlstrom Edmund, The Changing Role of Men and Women, Trans. by Gunilla and Steven Andermenn, London, Unwin Brothers Ltd., 1967.

10. Davies, Ross, Women and Work, Hutchinson of London, 1975.

11. Eleanor Flexner, Century of Struggle - The Women's Rights Movement in the United States, The Balkwap Press of Hanvard University Press, 1964.

12. Encyclopedia of Americana - Volume 2, 1829.

13. Holter H., Ses Roles and Social Change, Henisphere Publishing Corporation, Washington, 1975.

14. James A. Sweet, The Employment of Rural Wives, Rural Sociology, Vol. 37, December 1972.

15. Ogburn, W.F. and M.F. Nimcoff., Technology and the Changing Family, The Reberside Press, Cambridge, Massachussets, U.S.A., 1955.

16. Parkar, Stanley, Future of Work and Leisure, Granada Publishing Ltd., London, 1971.

17. Ralph Linton, The Study of Man, Peter Owen, London, 1936.

18. Sullerst, F., Women, Society and Change, Franslated by Margaret S. Asches, World University Press, Hampshire, 1971.

19. Taif, M., The Education of Women for Citizership - Some Practical Suggestion, Unesco, Paris, 1954.

20. Weil, M.W., An Analysis of the Factors Influencing Married Women's Actual or Planned Work Participation, American Sociological Review, Vol. 26, 1961.

MAJALAH

1. Dewan Masyarakat, 'Kerja Untuk Wanita? Ya!' olih Ainon Muhamad, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 15 Jun 1976.

2. Majalah Wanita, 'Sikap Masyarakat Terhadap Wanita,' olih Khadijah Haji Muhammad, Kumpulan Syarikat Utusan Melayu (M) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, April 1977.

3. Utusan Melayu, 'Kedudukan Perempuan Dalam Islam', olih Hamka, 1975.

TESIS

1. Khadijah Haji Muhamad, 'Wanita dan Pekerjaan' disertasi M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969.

******

University of Malaya